


Jilid I
Bil. 64



Hari Jumaat
14hb November, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7169]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 7193]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 7193]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 14hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. Datuk Seri Paduka Raja (Nilam Puri).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).

„ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

Yang Berhormat TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

Yang Berhormat TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

HUKUMAN KEPADA PENJENAYAH/ PENGKHIANAT

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan adakah benar bahawa proses pembicaraan di mahkamah-mahkamah undang-undang dalam negara ini begitu sulit maka penjenayah-penjenayah kerap kali terlepas dari hukuman. Jika ya, adakah Kerajaan bercadang meminda sistem perundangan supaya penjenayah-penjenayah dan pengkhianat-pengkhianat menerima hukuman yang setimpalnya.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah "tidak benar". Penjenayah-penjenayah pernah dibebaskan kerana tidak ada cukup bukti. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan-kemungkinan membuat pindaan tertentu untuk mengatasi kes-kes yang tertentu seperti kes-kes keselamatan dan perbicaraan orang-orang yang ditangkap berkumpulan, dan beramai-ramai. Selain daripada itu, saya akan membentangkan juga tiga pindaan kepada tiga undang-undang iaitu Undang-undang Mahkamah Keadilan (Court of Judicature Act), Undang-undang Peraturan Perbicaraan (Criminal Procedure Code) dan juga Undang-undang Keseksaan (Penal Code) yang akan dibentangkan di Dewan ini membuat sedikit pindaan yang akan menyelaraskan perbicaraan-perbicaraan yang ada di dalam mahkamah kelak.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sekarang ini proses perbicaraan lambat di mana sehingga orang-orang yang dituduh melakukan jenayah dan sebagainya terlampau ramai, oleh itu perbicaraan tidak dilaksanakan dengan segera dan menjadi kesulitan dalam perjalanan untuk menyelesaikan hal ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah telahpun, sedang dan akan diambil untuk menambahkan lagi bilangan mahkamah, hakim-hakim dan juga bilangan Session Court dan Magistrate Court. Tetapi walau bagaimanapun, pada masa ini kita masih lagi kekurangan mereka yang berkelulusan undang-undang dan saya berharap dalam bulan Mei atau Jun apabila peperiksaan yang akhir Universiti Malaya selesai, ada 50-60 orang penuntut-penuntut di sana yang akan lulus undang-undang dan juga di London kita akan menambahkan lagi majistret-majistret di Session Court dan lain-lain supaya mempercepatkan lagi perbicaraan. Selain daripada itu ada juga sebab-sebab teknikal yang melambatkan perbicaraan ini kerana kadang-kadang ada permintaan tempoh daripada pihak pembela dan pendakwa. Kadang-kadang saksinya tidak ada atau sakit dan lain-lain sebab. Itulah sebabnya, tetapi walau bagaimanapun memang ada.

Selain daripada itu, sememang kita tahu kes-kes jenayah di negeri kita ini bertambah dari satu masa ke satu masa, tetapi tambahan kepada bilangan mahkamah dan pengadil-pengadil tidak begitu seimbang dengan banyaknya bertambah jenayah di negeri kita.

L.L.N.—JIMATKAN TENAGA LETRIK

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab yang sebenarnya memerlukan Lembaga Letrik Negara melancarkan kempen menjimatkan tenaga letrik; dan
- (b) sejauh manakah kempen tersebut telah berjaya dan bilakah keadaan ini akan bertambah baik.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lapan puluh peratus daripada penajaan tenaga L.L.N. bergantung kepada minyak bahanapi yang diimpot. Harga-harga minyak bahanapi bertambah 4 kali ganda semenjak 1973 dan baru-baru ini sebagai maklum Negara-negara Pengeluar Minyak (OPEC) menaikkan lagi 10% harga

minyak. Minyak bahanapi adalah suatu bahan yang berhabisan dan oleh demikian semua usaha hendaklah dibuat untuk menjimatkannya.

Kempen ini juga bertujuan mengelak pembaziran oleh pengguna-pengguna yang dianggarkan dalam lingkungan 10 peratus dari jumlah penggunaan dan juga bertujuan untuk menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih cekap oleh pengguna-pengguna perdagangan dan perindustrian.

- (b) Kempen ini telah berjaya dalam mana kempen ini telah mempengaruhi orang ramai keperluan menjimatkan letrik dan terutama sekali untuk mengelakkan pembaziran. Telah terdapat suatu kejatuhan kecil dalam penggunaan letrik tetapi samada ini telah disebabkan keseluruhannya kepada kejatuhan dalam kehendak am oleh kerana kemelesetan serata dunia belum lagi dapat ditentukan.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedia ada untuk menilai kejayaan kempen ini dari masa ke semasa supaya menjadikannya lebih berkesan. Keadaan tenaga yang kurang mencukupi pada masa ini akan bertambah baik sedikit selepas set 120MW yang pertama di Port Dickson dipasang dan dilancar dalam bulan Januari tahun hadapan dan keadaan keseluruhannya akan berubah selepas pelancaran set 120MW yang kedua kira-kira pada pertengahan 1976, diikuti oleh set 120MW yang ketiga pada akhir 1976.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dengan adanya kempen menjimatkan tenaga letrik saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada ia sedar ada beberapa jalanraya yang mustahak di bandar Kuala Lumpur tidak ada lampu pada waktu malam hari, dan oleh yang demikian menimbulkan banyak sukar kepada orang ramai. Jika beliau sedar, saya ingin meminta Menteri yang berkenaan, apa tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Haji Mohamed bin Yacaob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa lampu di jalanraya dipadamkan, tetapi apa yang saya sedar . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Lampu di Jalan Duta selalu padam. (*Ketawa*).

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Kita boleh menerangkan lebih lagi di Jalan Duta, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi apa yang saya sedar ialah lampu-lampu di jalanraya dipasang lebih lambat sedikit daripada biasa iaitu selepas dari pukul 7.15-7.30 malam, ini kerana hendak menjimatkan tenaga—biasanya kalau pukul 7.00 itu masih terang lagi. Dan oleh kerana pada masa ini gelap lebih cepat sedikit daripada biasa, maka pukul 7.15 malam nampak lagi gelap selepas itu. Saya diberi faham bahawa ianya sudahpun dipasang dari pukul 7.00 lebih.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri yang berkenaan menyatakan L.L.N. atau Kerajaan telah melancarkan kempen untuk menjimatkan kegunaan tenaga letrik. Adakah beliau sedar ada beberapa orang tidak langsung menjimatkan kegunaan tenaga letrik, seumpamanya, kalau Menteri yang berkenaan ada melalui Jalan Ampang ke R.R.I., beliau boleh melihat Rumah Sabah semua lampunya dipakai bukan satu malam sahaja, tetapi tiap-tiap malam walaupun tidak ada orang tinggal di sana. Bolehkah Menteri yang berkenaan mengambil tindakan supaya lampu-lampu itu boleh dipadamkan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pertanyaan sedar—mana Yang Berhormat Menteri hendak sedar dan hendak pergi keliling bandaraya Kuala Lumpur ini—tidak payah dijawab.

BUMIPUTRA AMBIL-ALIH SYARIKAT

3. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri penyelarasan Perbadanan Awam menerangkan:

- (a) semenjak ditubuhkan Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat subsidinya, berapa di antara syarikat-syarikat tersebut telah diambil alih oleh peniaga-peniaga Bumiputra; dan
- (b) nama dan butir-butir syarikat itu serta kepada siapa diserahkan.

Timbalan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua,

(a) MARA adalah satu-satunya Perbadanan Awam yang telah menyerahkan beberapa projeknya kepada peniaga-peniaga Bumiputra. Sehingga ini terdapat 24 syarikat Bas MARA yang telah diambil alih oleh peniaga Bumiputra ataupun golongan-golongan Bumiputra. Syarikat-syarikat kenderaan Bas MARA ini adalah diserahkan mulai tahun 1968 sehingga pada tahun 1973. Jumlah pembelian ataupun harga jualan syarikat-syarikat ini ialah sebanyak \$1.12 juta dengan bilangan bas sebanyak 194.

(b) Nama-nama dan butir-butir syarikat serta kepada siapa diserahkan adalah seperti berikut:

Negeri	Syarikat yang mengambil-alih
Johor	Syarikat Kerjasama Kenderaan dan Pengangkutan Melayu, Johor Selatan. Syarikat Kenderaan Sri Tanjong Sdn. Bhd. Syarikat Pengangkutan Maju Berhad.
Negeri Sembilan	Syarikat Kenderaan Melayu (M), Sri Menanti.
Perak	Syarikat Parit Enterprise Sdn. Bhd. Syarikat Kenderaan dan Pengangkutan Bekerjasama, Parit.
Pulau Pinang ...	Syarikat Kenderaan dan Pengangkutan Seberang Prai Berhad.
Kedah	Syarikat Bekerjasama Kenderaan dan Pengangkutan Melayu, Baling.
Perlis	Syarikat Perkongsian Perusahaan Melayu, Perlis
Trengganu	Syarikat Perusahaan dan Pemborong Kemaman. Syarikat Pengangkutan dan Perusahaan Sri Bangun Sdn. Bhd., Dungun. Syarikat Pengangkutan dan Perusahaan Am Melayu Berhad, Kuala Trengganu.
Kelantan	Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Berhad, Kota Bharu.
Sabah	Syarikat Pengangkutan Chaya Biru Sdn. Bhd. Syarikat Pengangkutan Bunga Raya Tawau Sdn. Bhd. Syarikat Kesah Sendirian Bhd.
Sarawak	Yayasan Sarawak.

Saya juga ingin mamaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa satu laporan yang disediakan oleh satu pasukan petugas berkenaan dengan penyerahan saham perusahaan awam kepada Bumiputra telahpun siap. Satu Jawatankuasa Tetap mengenai Pemindahan Hakmilik Perusahaan Awam kepada Bumiputra sedang mengkaji laporan ini dan setakat ini sedang menyiapkan dasar dan panduan tindakan penyerahan hakmilik syarikat-syarikat Perbadanan Awam ini.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah benar setengah-setengah pihak mengatakan bahawa MARA hanya menyerahkan syarikat-syarikat bas yang dianggap tidak menguntungkan sedangkan syarikat bas yang menguntungkan seperti express dan sebagainya tidak diserahkan. Jika benar, apakah tindakan?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, sekiranya ada lebih daripada satu permintaan untuk mengambil alih badan-badan atau syarikat-syarikat tajaan MARA itu bagaimanakah penentuan dibuat.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi bahawa laporan mengenai penyerahan sedang dikaji oleh suatu jawatankuasa tetap dan panduan-panduan akan dibuat dan sudah tentu nanti apabila panduan ini dikeluarkan mengenai anak-anak syarikat yang hendak kita serahkan itu, kita akan meminta kepada pihak yang berkemampuan untuk memohon dan sudah tentu kita akan menimbangkan dengan seadil-adilnya kepada siapa yang kita fikir layak untuk menyerahkan anak-anak syarikat tersebut.

UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH

4. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada beliau bercadang hendak menyelaraskan Undang-undang Mahkamah Syariah di seluruh Negara dan jika ya, bila.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya, tetapi kerajaan yang ada cadangan bagi menyelaraskan Undang-undang Mahkamah Syariah yang akan digunakan bagi tiap-tiap Negeri di Negara kita. Untuk melaksanakan cadangan ini, Majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Ugama Islam telah menubuhkan satu Jawatankuasa bagi melaksanakan tujuan itu. Rang Undang-undang ini telahpun siap digubal dan telah mendapat persetujuan Majlis Raja-raja untuk dihantar kepada Majlis Ugama tiap-tiap Negeri untuk mendapat pandangan dan persetujuannya. Hingga kini Majlis Kebangsaan Ugama belum lagi habis menerima semua jawapan dari tiap-tiap Negeri akan Rang Undang-undang itu dan dengan yang demikian belum tahu lagi bilakah kelak akan dapat dilaksanakan Rang Undang-undang baru itu.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan Yang Berhormat Peguam Negara tadi, Rang Undang-undang akan disediakan untuk menyelaraskan Undang-undang Syariah, apakah akan berlaku apabila undang-undang itu atau rangka undang-undang itu dihantar kepada Majlis Ugama Islam seluruh Malaysia, tetapi Majlis Ugama Islam di tiap-tiap Negeri atau setengah-setengah Negeri tidak mahu bersetuju, apa akan jadi?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Ahli Yang Berhormat maklum undang-undang Ugama Islam itu adalah dikuasai oleh Sultan bagi tiap-tiap Negeri. Kalau ada Negeri-negeri yang tidak menerima atau tidak mahu, tidak boleh dijalankan di Negeri itu.

PENDAFTARAN JEMAAH HAJI

5. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) samada terdapat di antara bakal-bakal Haji yang telah mendaftarkan nama mereka untuk menunaikan fardu Haji tahun ini, mereka yang membatalkan rancangannya disebabkan perubahan-perubahan peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Saudi Arabia baru-baru ini dan disebabkan oleh kenaikan tambang kapal dan kapal terbang;

(b) jika ada, berapa ramaikah jumlah mereka itu; dan

(c) apakah tindakan-tindakan yang diambil dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi menolong mereka itu supaya dapat menunaikan Haji pada tahun ini juga.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tarikh tutup pendaftaran Jemaah Haji dalam bulan April, 1975 ini, seramai 18,109 bakal Haji telah mendaftar diri untuk menunaikan fardu Haji.

Mengikut kelazimannya pada tahun-tahun yang lalu, kira-kira 10% hingga 15% daripada mereka yang berdaftar itu akhirnya menarik diri disebabkan kekurangan wang, gangguan kesihatan, kesibukan urusan kehidupan dan sebagainya.

Pada tahun ini persediaan untuk mengangkut seramai kira-kira 16,500 bakal Haji ke Tanah Suci telah dibuat dengan cara Kapal Laut dan Kapal terbang, dan Paspot Haji bagi sejumlah itu telah dikeluarkan oleh Tabung Haji.

Ini bermakna hanya 9% sahaja (1,609 orang) daripada mereka yang telah mendaftar diri yang tiada jadi pergi ke Tanah Suci pada tahun ini.

- (b) Seperti yang diterangkan di dalam jawapan kepada soalan (b) di atas seramai kira-kira 1,609 orang daripada mereka yang telah mendaftar diri telah menarik diri, tetapi dari jumlah itu, Lembaga tiada dapat menentukan samada mereka telah berbuat sedemikian oleh kerana perkara-parkara biasa seperti yang disebut di dalam perenggan 2 di atas, ataupun disebabkan oleh perubahan peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi atau disebabkan oleh kenaikan harga tambang.

(c) Tidak berbangkit.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada

Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah Yang Berhormat Menteri sedar ramai jemaah-jemaah haji bila sampai ke Jeddah berasa gelisah dengan peraturan baru iaitu mengenai dengan penetapan syeikh-syeikh haji, demikian juga belanja tambahan kerana jamuan yang dikenakan baru-baru ini.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan memang kebetulan waktu kapal haji yang pertama dan kedua sampai saya berada di Saudi Arabia dan memang telah-pun diketahui lebih dahulu di negeri kita ini berkenaan dengan peraturan baru yang dikenakan oleh Kerajaan Saudi Arabia. Peraturan yang berat sekali ialah soal syeikh di mana dahulunya kita di sini berhak memilih syeikh yang mana kita kehendaki, tetapi peraturan baru ini adalah ditetapkan oleh Kerajaan Saudi Arabia sendiri syeikh mana yang hendak diserahkan kepada bakal-bakal haji itu.

Mengikut peraturan, kapal yang pertama sampai dahulu dikira daripada jumlah angka jemaah haji yang ada dalam kapal tiap-tiap 50 orang diserahkan kepada seorang syeikh dan demikian seterusnya. Oleh Hal yang demikian, terjadi banyak kekeliruan. Kadang-kadang suami nombor 50, isteri nombor 51, maka terjadilah suami kepada syeikh lain dan isterinya kepada syeikh lain. Demikian juga dalam rombongan-rombongan yang mempunyai seorang ketua. Sungguhpun begitu apabila menjelang tiba kapal yang kedua hal yang seperti ini dapat diatasi.

Saya telah mengadakan mesyuarat bersama antara anggota-anggota Tabung Haji dan juga dengan pihak Duta Besar dan kakitangan Kedutaan kita di Saudi Arabia bagi memikirkan cara-cara yang sebaik-baiknya untuk mengatasi masaalah yang seperti ini. Jadi kapal yang kedua dan kapal yang ketiga dan seterusnya nampaknya kurang sedikit kerumitan oleh kerana kita telah bermuafakat mana-mana orang yang mempunyai hubungan yang tidak boleh berpisah dalam satu syeikh dikumpulkan paspot haji masing-masing dan diserahkan kepada pihak Kerajaan Saudi Arabia supaya menentukan paspot-paspot yang terkumpul itu ditentukan bagi satu-satu syeikh.

Demikian juga berkenaan penambahan wang. Seperti mana yang kita sama-sama ketahui, peraturan baru telah menetapkan kawasan-kawasan tempat tinggal mengikut kelas masing-masing. Kelas yang pertama di hotel, kelas yang kedua ialah di kawasan sekitar 500 ela sekeliling Masjidilharam dan bagi yang ketiga ialah di kawasan yang di luar daripada itu hingga sampai tiga batu dan bagi kelas keempat di khemah-khemah di tengah-tengah padang pasir.

Bagi Malaysia kita memilih bahagian yang ketiga, yakni di luar daripada daerah 500 ela. Sungguhpun begitu kita memberi peluang dan berjanji dengan Kerajaan Saudi Arabia apabila ada di antara jemaah haji kita yang berkehendakkan tinggal di dalam kawasan yang dekat dengan Masjidilharam, maka mereka boleh membuat tambahan wang sebanyak 200 rial lagi bagi mendapat tempat yang seperti itu.

Dalam pada itu pun oleh kerana sebahagian besar daripada syeikh-syeikh haji itu mempunyai rumah-rumah sewa yang dekat dengan Masjidilharam, maka dengan secara langsung mereka itu terduduk atau ditempatkan di dalam kawasan yang termasuk di dalam peringkat yang kedua.

Jika kedapatan syeikh-syeikh haji itu adalah orang-orang yang baik hati atau terlalu baik hati, maka tidak diminta wang satu sen pun sebagai tambahan. Ada yang setengahnya baik hati dimintanya \$100, ada yang boleh dikatakan hatinya baik atau tidak baik tetapi memerlukan kepada peraturan yang ketat diminta terus \$200. Inilah yang telah berlaku dalam masaalah seperti demikian.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Tabung Haji untuk mengatasi kelambatan tiap-tiap penerbangan jemaah haji dengan kepalterbang MAS seperti mana yang berlaku sekarang ini yang saya fikir menyulitkan jemaah-jemaah haji juga pengiring mereka. Jadi, apakah tindakan untuk mengatasi perkara-perkara yang tersebut pada masa-masa akan datang?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Dalam musim haji tahun ini ada kejadian kelewatan yang agak terlalu lama sekali hanya sekali sahaja berlaku. Itu ialah oleh kerana kerosakan yang berlaku kepada

kapalterbang, tetapi pihak MAS telahpun mengatasi masalah ini dengan menambah sebuah kapalterbang sewaan dan dengan demikian adalah dijangka dan diharapkan mudah-mudahan kejadian itu tidak akan berlaku lagi hingga akhirnya.

Tuan Mohd. Bakri bin Abd. Rais: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa apabila peraturan baru yang dikenakan oleh Kerajaan Saudi Arabia sekarang ini dengan tidak dapat jemaah haji itu menentukan ataupun memilih sendiri syeikh-syeikh yang disukai, maka apabila terkena kepada syeikh-syeikh yang tidak baik, kalau kena pada yang baik alhamdulillah, tetapi apabila terkena kepada syeikh-syeikh yang ditentukan oleh Saudi Arabia itu syeikh yang tidak disukainya, maka sudah tentulah menimbulkan kesulitan dan tidak puas hati kepada bakal-bakal haji itu sendiri. Kalau yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan ataupun perkiraan yang telah dibuat untuk membolehkan jemaah-jemaah haji di masa yang akan datang supaya dapat menentukan syeikh-syeikh yang mereka sukai.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu telah termasuk dalam jawapan Yang Berhormat tadi dan perundingan yang telah dijalankannya.

JALANRAYA TAWAU/KUNAK/ SEMPORNA

6. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa jalanraya Tawau-Kunak-Semporna telah dibina pada asalnya untuk kenderaan ringan sahaja tetapi sekarang ianya sedang digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat dan dengan kerana itu ianya telah rosak sehinggakan hampir-hampir tidak boleh digunakan lagi terutamanya sekali di antara batu $\frac{1}{2}$ hingga batu 8. Adakah langkah-langkah positif yang telah diambil untuk melebarkan, mengukuhkan dan melapis kembali (resurfacing) jalanraya ini agar sesuai untuk kegunaan sekarang.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya sedar bahawa jalan dari Batu $\frac{1}{2}$ ke Batu 8 dari Tawau/

Kunak/Semporna yang dibina dua puluh tahun yang lalu sekarang ini telah menjadi bertambah sebok dan digunakan oleh banyak kenderaan besar. Walau bagaimanapun, jalan ini masih boleh menampung keperluan lalu-lintas yang menggunakan jalan tersebut dengan adanya penyelenggaraan yang rapi dijalankan dari masa ke semasa.

Saya difahamkan oleh Kerajaan Negeri bahawa peruntukan tertentu sedang dipertimbangkan untuk pembinaan semula bahagian jalan ini sejauh $7\frac{1}{2}$ batu iaitu dari Batu $\frac{1}{2}$ hingga ke Batu 8 yang mana dijangka akan dimulakan pada tahun 1976.

KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA

7. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) apakah sebab-sebabnya kedudukan kewangan negara kita sekarang terlalu buruk sehingga gaji Menteri-menteri pun terpaksa dipotong; dan
- (b) apakah cara-cara praktik bagi memperbaiki keadaan kewangan negara kita ini selain daripada memotong gaji Menteri-menteri.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat menyentuh kedudukan kewangan Kerajaan dan juga ramalan ekonomi negara ini pada keseluruhannya, perkara-perkara ini telah diliputi oleh ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Belanjawan Tahun 1976 di Dewan ini pada 6hb November, 1975. Saya berpendapat bahawa adalah tidak perlu pada masa ini untuk menambah kepada ucapan beliau.

SAMSU HARAM

8. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa Kerajaan telah rugi banyak wang disebabkan oleh tempat-tempat memproses samsu secara haram iaitu tanpa lesen dan jika beliau sedar apakah tindakan-tindakan yang beliau telah dan akan ambil bagi mendapatkan wang boleh dikutip itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah menjelaskan kepada Dewan ini semasa menjawab satu pertanyaan yang seakan-akan sama oleh Ahli Yang Berhormat pada 12hb November, 1975, saya memang sedar masih ada pemasakan dan pemasaran samsu haram di negeri ini. Saya juga menjelaskan setakat bahawa beberapa langkah telahpun diambil oleh agensi-agensi Kerajaan khususnya Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, bagi mengatasi aktiviti-aktiviti haram ini seberapa banyak yang boleh dengan mendapatkan kerjasama orang ramai.

Adalah amat sukar untuk menganggar ia-tu berapa banyakkah hasil telah hilang dalam Duti Eksais yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti haram tersebut menerusi pemasak-pemasak yang tidak berlesen. Walau bagaimanapun hanyalah 2,080 gelen samsu haram telah dirampas dari Januari hingga ke September tahun ini, yang mana Duti Eksais berjumlah \$41,600 mungkin sudah dijelaskan sekiranya pemasak-pemasak tersebut berlesen. Dibalikannya, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah mengutip Duti Eksais sebanyak \$4,633,537.20 bagi 231,677 pruf gelen samsu yang dihasilkan oleh pemasak-pemasak yang berlesen dalam tahun 1974. Pengeluaran samsu daripada pemasak-pemasak berlesen tersebut dalam jangka masa antara Januari hingga ke Ogos tahun ini adalah berjumlah 150,061 pruf gelen, yang mana jumlah Duti Eksais sudah dibayar berjumlah \$3,001,216.00.

Dari angka-angka yang ditunjukkan itu, maka dapat diperkatakan bahawa darjat penyesuaian adalah memuaskan, namun demikian Kerajaan masih berniat meneruskan langkah-langkah pencegahan demi mengurangkan pemasakan dan pemasaran samsu haram ke peringkat yang paling minima.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa tempat-tempat membuat samsu halal ini tidak mengeluarkan samsu yang dipanggil "methly alcohol?"

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Samsu tidak halal. Apa yang dimaksudkan ialah tempat membuat samsu yang diizinkan.

Tuan K. Pathmanaban: Ya, tempat yang dilesenkan ini tidak mengeluarkan samsu yang dipanggil dengan nama "methly alcohol" iaitu samsu yang ada racun.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya jelaskan kepada Dewan ini pada 12hb November, semua aktiviti membuat atau memasak samsu adalah dikeluarkan oleh kilang-kilang yang berlesen dan pihak Kastam sentiasa mengawal aktiviti tersebut supaya mencegah aktiviti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang hendak menghapuskan langsung ataupun tidak mengeluarkan langsung lesen untuk memasak samsu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Timbalan Mentari yang berkenaan menyatakan pihak Kastam ada mengambil semua langkah untuk menjaga samsu yang dikeluarkan daripada kilang-kilang yang berlesen yang ada dicampur dengan methyl alcohol. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah pihak Kastam mengambil sample daripada kilang-kilang tersebut dan menganalisa samsu itu supaya kita benar-benar boleh tahu samsu itu tidak dicampur dengan methyl alcohol?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang ada Jabatan Kastam mengambil sample-sample dari semasa ke semasa untuk membuat analisa yang berkenaan.

TALIPON SISTEM DAIL TERUS

9. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapa begitu sukar untuk membuat panggilan talipon dari Seremban ke Kuala Lumpur semasa waktu pejabat, dan samada sistem dial terus dari Seremban setiap bandar besar di Semenanjung Malaysia boleh diadakan dengan seberapa segera yang boleh.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua,

ada masa-masanya di mana kelambatan-kelambatan didapati oleh pelanggan-pelanggan talipon di Seremban untuk mendapat panggilan-panggilan mereka ke Kuala Lumpur terutamanya dalam masa kesebukan iaitu dari 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Ini ialah kerana bertambahnya pada tiap-tiap hari bilangan pelanggan-pelanggan talipon baru di Seremban dan juga di Kuala Lumpur. Adalah diperhatikan bahawa pemanggil-pemanggil di Seremban sentiasa membuat panggilan-panggilan yang berturut-turut apabila pelanggan-pelanggan di Kuala Lumpur sedang bercakap. Ini menyebabkan lebih kesesakan perjalanan sistem-sistem dan menimbulkan kesusahan.

Jabatan Talikom sedar atas kesulitan ini dan telah merancang untuk menambah 60 talian lagi pada saluran ini atas sistem radio yang digunakan sekarang. Tetapi oleh sebab kelambatan-kelambatan pembekalan alat-alat yang penting, rancangan ini telah tergendala, dan buat sementara waktu 12 talian sedang diadakan sekarang.

Jabatan Talikom sedang membina sistem gelombang mikero baru (960 saluran) di antara tempat-tempat ini dan apabila siap pada akhir tahun 1976, perkhidmatan akan menjadi lebih baik lagi.

Juga sebuah ibusawat pusat kumpulan yang mempunyai 5,000 talian dijangka akan dibina dalam bulan Februari, 1976. Apabila ini siap, pada akhir 1976, bersama dengan 960 saluran gelombang mikero baru, kemudahan-kemudahan panggilan terus dial yang lengkap akan boleh didapati bagi bandar Seremban.

GURU SEMENTARA DI SEKOLAH TAMIL

10. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah latihan yang diberikan kepada lebih 700 orang guru-guru sementara Sekolah Tamil Semenanjung Malaysia akan tamat dan samada boleh diserapkan ke dalam perkhidmatan tetap.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, latihan Perguruan kepada guru-guru sementara bukanlah hanya untuk guru-guru sementara Sekolah Tamil sahaja. Guru-guru sementara yang berkhidmat di S.R.J.K. (China) dan Sekolah-sekolah Kebangsaan akan juga diberi

latihan. Mereka yang memenuhi semua syarat yang diperlukan akan diambil untuk diberi latihan dalam masa cuti selama 3 tahun dan pengambilan terakhir bagi guru-guru sementara tersebut untuk diberi latihan ikhtisas adalah dijangka pada tahun 1979. Rancangan ini ialah bagi memberi latihan kepada guru-guru sementara yang layak yang sedang berkhidmat. Sekiranya bilangan mereka bertambah, maka rancangan untuk melatih mereka pun akan dilanjutkan lagi.

Mereka yang tamat latihan perguruan dengan jayanya bolehlah membuat permohonan untuk masuk perkhidmatan tetap dalam perkhidmatan pelajaran kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

SEKIM BANTUAN BUKU-BUKU TEKS

11. Tuan James Stephen Tibok (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa Sekim Bantuan Buku-buku Teks kini memberi kesulitan kepada murid-murid yang tidak ada buku dan tidak dapat membeli buku itu dari mana-mana pun. Jika ya, samada Kementerian beliau akan menyediakan buku-buku tersebut secara langsung dan murid-murid akan membayar untuknya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa sebilangan murid-murid yang tidak dapat bantuan buku teks di bawah Sekim Pinjaman 1975, pada mulanya telah menghadapi kesulitan untuk membeli buku-buku mereka. Tetapi perkara tersebut telah dapat diatasi. Pihak Kementerian telahpun memberitahu Penerbit-penerbit sejak bulan Ogos, 1974 akan kemungkinan jumlah bilangan buku-buku yang akan digunakan oleh semua murid dalam tahun 1975 (termasuk yang tidak layak menerima bantuan buku di bawah Sekim Pinjaman 1975), dan pihak Kementerian telah juga memberitahu pihak penerbit mengenai jumlah buku-buku yang akan digunakan oleh semua murid bagi tahun 1976.

Dengan cara ini, saya berharap dengan kerjasama pihak penerbit-penerbit, masalah yang telah timbul pada masa yang lampau, tidak akan timbul lagi pada tahun 1976.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Bahagian Biro Buku-buku Teks, Kementerian Pelajaran, pada masa ini sedang membuat

kajian mengenai kemungkinan Kementerian ini membekalkan buku-buku teks bagi murid-murid pada masa-masa yang akan datang.

PILIHANRAYA MAJLIS TEMPATAN

12. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Kerajaan akan melaksanakan syor-syor Lapuran Datuk Athi Nahappan untuk mengadakan semula pilihanraya Majlis Tempatan yang menjadi tunjang demokrasi.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan mana-mana syor Lapuran Datuk Athi Nahappan yang difikirkan munasabah dengan keadaan masa dan perubahan yang berlaku di negara ini. Pada masa ini Kerajaan sedang giat menjalankan ekseseis penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan untuk menambahkan keteguhan kewangan supaya membolehkan penguasa-penguasa tempatan itu menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih cekap dan berkesan. Selain daripada itu, adalah menjadi dasar Kerajaan supaya penguasa-penguasa tempatan pada masa akan datang menjalankan peranannya di bidang pembangunan sosial dan ekonomi. Dengan sebab itu, buat sementara waktu Kerajaan belum lagi bercadang hendak mengadakan semula pilihanraya di Majlis-majlis Tempatan.

MAS—PENERBANGAN DC 10

13. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perhubungan menyatakan harapan MAS apabila penerbangan DC 10 dimulakan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Kapal terbang jenis DC 10 MAS yang pertama dijangka bermula operasinya pada bulan Oktober, 1976 dan bagi permulaan kapal terbang ini akan diguna untuk penerbangan sektor Kuala Lumpur-Hong Kong-Taipei-Tokyo. Penyerahan kapal terbang jenis DC 10 yang kedua dijangka berlaku pada bulan Ogos, 1977 dan kapal terbang ini akan diguna untuk penerbangan sektor-sektor London dan Australia. Keputusan MAS bagi menyertai pengendalian kapal terbang terbesar diambil berasas terutama sekali kepada pertimbangan ekonomi

yang memerlukan "the most economical seat mile cost" diturut dalam keadaan perlumbaan sekarang ini. Beberapa Syarikat-syarikat pengangkutan udara antara-bangsa telahpun menggunakan kapal terbang-kapal terbang terbesar dan untuk MAS menyertai pertandingan dengan syarikat-syarikat ini, MAS terpaksa menarik hati penumpang-penumpang dengan atraksi-atraksi kapal terbang terbesar. Lebih penting dari itu, MAS mestilah mempergunakan keuntungan-keuntungan yang terdapat dari pengendalian kapal terbang terbesar. Berasap kepada latar belakang inilah yang MAS membuat keputusan untuk mengendali kapal terbang jenis DC 10 yang dijangka akan mendapat keuntungan yang lebih dan disamping itu akan memperbaiki perkhidmatan pengangkutan udara untuk orang ramai.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa dengan adanya kapal terbang jenis DC 10 ini maknanya perniagaan MAS akan bertambah dan banyak hubungan di antara luar negeri dengan negeri-negeri lain. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada beliau sedar atau tidak bahawasanya dalam pembelian kapal terbang jenis DC 10 ini tentulah berkehendakkan kepada pembangunan kawasan lapangan terbang kita. Adakah beliau sedar sehingga hari ini masalaah menentukan tapak tanah untuk pembangunan lapangan terbang masih belum lagi diselesaikan oleh pihak Kementerian. Kalau sedar, apakah tindakan oleh Kementerian beliau kerana pihak perunding (consultant) telahpun menarik diri dalam masalaah rancangan pembangunan lapangan terbang.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar itu dan barangkali Ahli Yang Berhormat itu lebih tahu daripada saya sendiri ataupun Kementerian atas beberapa masalaah tanah dan lain-lain. Kementerian ada menjalankan beberapa langkah bagi meluaskan kawasan lapangan terbang dan semua langkah ada dijalankan mengikut aturan-aturan dan mengikut jadual. Pada masa sekarang kapal terbang jenis DC 10 boleh mendarat di lapangan terbang yang ada sekarang, bukan sahaja kapal terbang jenis DC 10 bahkan Concorde pun boleh turun dan naik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Concorde sudahpun turun.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahannya. Saya hendak bertanya samada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawasanya saya tidak ada kena-mengena dengan pihak consultant itu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan, tidak payah disoal.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahannya ialah masalaah kedudukan lapanganterbang, iaitu dengan pembangunan ini juga adakah Yang Berhormat Menteri sedar keadaan lapanganterbang kita pada hari ini tidak mencukupi daripada segi beberapa aspek seperti susah hendak mendapatkan panggilan talipon di sana dan Bahagian Keselamatan (Security) pun pada hari ini dijalankan oleh agensi dan tidak mempunyai kuasa penuh jika berlaku sesuatu hal. Jika beliau sedar, apakah tindakan daripada Kementerian beliau terutama sekali di kalangan pegawai-pegawai kanan dalam Kementerian Perhubungan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang ini seperti keretapi sudah tergelincir daripada landasan, terkeluar sedikit, jadi tidak payah dijawab.

AIR—KEKURANGAN BEKALAN DI KAMPUNG PARIT

14. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak kampung-kampung Parit masih menghadapi masalaah kekurangan bekalan air, dan jika ya, nyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mengadakan bekalan air yang mencukupi kepada kampung-kampung ini memandangkan kepada janji-janji yang diberikan kepada mereka di sana oleh calon-calon pilihanraya pada setiap pilihanraya.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berkaitan dengan Kerajaan Negeri Perak. Saya diberitahu bahawa pada masa sekarang bekalan air ke kampung-kampung di

kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah disambung daripada saluran air yang ada sekarang berukuran 4 inci garis pusat sahaja, akibatnya tekanan air di situ adalah rendah. Walau bagaimanapun, pada masa ini saluran air itu yang berukuran 12 inci garis pusat sedang dipasang daripada bulatan Bota Kiri ke arah Tanjung Belanja untuk memperbaiki bekalan air ke kampung-kampung yang terletak di antara Bota Kiri dan Tanjung Belanja. Adalah diharapkan dengan siapnya kerja-kerja pemasangan itu nanti masalaah kekurangan bekalan air di kampung-kampung tersebut akan dapat diatasi.

RUMAH MURAH TERES DI PAGOH

15. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada benar bahawa Kerajaan bercadang untuk membina sebanyak 50 buah rumah-rumah berharga murah di Pagoh, Muar di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini; dan jika ya, nyatakan bilakah projek tersebut akan siap.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Pusat telahpun meluluskan peruntukan untuk satu rancangan bagi membina 48 yunit rumah murah teres di Pagoh, Muar, di bawah Rancangan Malaysia Kedua, dan projek ini yang berharga \$432,000 sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Johor. Projek tersebut dianggap akan dapat disiapkan dalam tahun 1976.

GURU DILANTIK DALAM LEMBAGA PENGURUS KERAJAAN

16. Tuan James Stephen Tibok (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar ramai guru-guru telah dilantik dalam Lembaga Pengurus Kerajaan baru-baru ini. Jika ya, menyatakan nama serta bilangan mereka yang terlibat dan samada mereka yang memegang jawatan telah memperolehi kebenaran terlebih dahulu dari Kementerian beliau. Jika tidak, tindakan tegas diambil terhadap mereka kerana perlibatan mereka telah merosotkan pelajaran murid-murid keseluruhannya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat adalah terlalu umum. Oleh yang demikian, saya tidaklah dapat memberi jawapan yang pasti. Tetapi kalau soalan Yang Berhormat itu bermaksud Lembaga Pengurus atau Pengelola Sekolah, maka saya suka menyatakan bahawa ada beberapa orang guru sekolah yang dilantik menjadi Ahli Lembaga di sekolah yang lain sebagai wakil badan ugama atau murid-murid tua.

Menurut Education (Grants) Amendment Regulation 1963, guru-guru boleh dilantik, di bawah keadaan istimewa, menjadi Ahli Lembaga Sekolah dengan kebenaran Pendaftaran Sekolah. Walau bagaimanapun, perkara ini tidaklah digalakkan oleh Kementerian Pelajaran terutama bagi guru-guru biasa.

Bilangan yang terlibat berjumlah 91 orang. (86 orang guru sekolah mubaligh dan 5 orang guru biasa).

Setakat ini tidak ada aduan yang menyatakan bahawa penglibatan guru-guru dalam Lembaga Sekolah telah merosotkan pelajaran murid-murid keseluruhannya.

LAPANGAN TERBANG ANTARA-BANGSA SUBANG

17. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sangat kecil dan ketinggalan zaman jika dibandingkan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa di Negara-negara lain, dan keadaan ini boleh menjatuhkan imej Malaysia serta kurang tarikan pelawat-pelawat luar negeri. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, besarnya sesuatu lapangan terbang dan juga persediaan kemudahan-kemudahannya adalah diseimbangkan dengan kehendak terafik. Lapangan Terbang Antarabangsa Subang telah siap dibina pada tahun 1965 untuk menampung keperluan terafik selama untuk jangkamasa 10 tahun. Dan di sini sebagaimana kata Yang Berhormat dari Setapak kita sedar lapangan terbang kita masa ini tidak mencukupi kemudahan mengikut keadaan sekarang dan masa hadapan.

Rekabentuk yang lengkap untuk pembesaran bangunan terminal lapangan terbang sedang giat dilaksanakan. Tempat meletak kapalterbang sedang direkabentuk semula untuk menampung 14 kapalterbang serentak dan dilengkapi dengan 8 jambatan bagi penumpang (Air Bridges) bagi mengurangkan jarak jauh berjalan kaki serta dapat menjamin keselamatan bagi penumpang-penumpang. Lain-lain kemudahan seperti Kompleks Kargo dan stesyen quarantin untuk haiwan juga telah dimasukkan di dalam rancangan pembaharuan keseluruhannya bagi maksud untuk menampung keperluan sehingga ke tahun 1983.

UNDANG-UNDANG KHALWAT

18. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu undang-undang yang sama terhadap kes-kes khalwat di Malaysia supaya hukuman di bawah undang-undang ini sama di seluruh negara.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap Kerajaan Negeri akan ada satu peruntukan Undang-undang yang sama dalam Mahkamah Syariah bagi Orang-orang Islam di tiap-tiap Negeri apakala Undang-undang baru yang saya sebutkan di atas tadi dapat dilaksanakan kelak oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan pula buat masa ini belum lagi bercadang hendak mengadakan satu Undang-undang khalwat yang sama bagi sekalian penduduk Malaysia samada Islam atau yang bukan Islam.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, definasi khalwat ini adalah berlainan sekali daripada, misalnya, Zina, kerana khalwat bermaksud sepasang makhluk (akil baligh) yang berlainan jenis yang didapati tinggal di dalam keadaan bersendirian yang boleh menimbulkan wasangka buruk. Di Negeri kita ini lebih daripada separuh penduduknya adalah bukan beragama Islam dan bercumbu-cumbu atau berasmara pada tempat yang sunyi bagi setengah-setengahnya adalah merupakan satu daripada cara hidup mereka itu atau satu langkah sebelum mereka menempuh ke alam perkahwinan. Oleh itu, ini adalah satu kesukaran yang besar kiranya Undang-undang ini diadakan bagi Islam dan bukan Islam untuk dilaksanakan di seluruh

negeri ini seperti Malaysia yang mana kita tahu lebih separuh daripada penduduknya adalah bukan orang Islam. Lagipun hendak melaksanakan itu hendaklah diadakan Jabatan-jabatan baharu dan Inspectorate baharu. Polis di sebelah ini sibuk dengan perkara-perkara jenayah dan lain-lain. Jika ini dijadikan Undang-undang umum tiada kerja lain asyik menyelongkar semua hotel-hotel, bertanyakan samada mereka itu suami-isteri atau tidak. Saya buat pandangan di sini kerana yang dicadangkan ini adalah khalwat. Pada pendapat saya khalwat ini jatuh nombor lima tingkatnya. Ada lagi patut dicadangkan dari segi samada orang yang beragama Islam atau bukan Islam. Pertamanya, "offence of prostitution" itu belum lagi diharamkan, masih dihalalkan lagi di negeri ini. Kedua sumbang atau "incest". Orang berjahat dengan anak adik-beradik, emak dengan anaknya, dengan datuknya, dan demikian juga lain-lain . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Emak dengan bapak memang sudah tentulah. (*Ketawa*).

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Ini belum menjadi kesalahan lagi. Ketiga, "adultery" atau kesalahan antara hubungan sex oleh seorang yang sudah beristeri atau bersuami. Setengah negeri "adultery" is an "offence", satu kesalahan, di sini belum lagi. Keempat, bersekudukan atau "living together like husband and wife". Itupun lagi satu kesalahan yang besar daripada khalwat, itupun belum ditimbangkan lagi.

Kelima, zina (sexual intercourse) samada kahwin atau tidak kahwin pun belum dijalankan lagi.

Yang penghabisan sekali khalwat. Ini dicadangkan khalwat. Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dapat saya terangkan di sini. Saya fikir kalau ada sekali pun cadangan yang saya bawa kepada Kerajaan yang pertama sekali ialah "incest" itu. Bagi Islam itu adalah satu kesalahan yang besar. Bagi bukan Islam masih harus lagi sekarang.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri berkenaan bercadang untuk mengenakan hukuman kepada pasangan-pasangan yang bukan Islam yang melakukan samada khalwat, pekerjaan sumbang, zina dan sebagainya kerana timbul desas-

desus ketidak-adilan, mereka yang bukan Islam ini melakukan kerja yang sama tetapi tidak dihukum sebagaimana orang-orang Islam yang pasangan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Macam mana boleh sama kerjanya pula.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sama kerjanya tetapi hukumannya tidak kena. Orang Islam sahaja yang kena. Jadi, adakah Menteri yang berkenaan bercadang mengadakan hukuman kepada mereka yang bukan Islam yang melakukan kerja yang sama iaitu samada khalwat, pekerjaan sumbang, zina dan sebagainya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Subahat, "aiding and abetting".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan subahat lagi, dia berserta.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebelum perang dahulu kesalahan begitu meliputi Undang-undang kita negeri Johor dan Kelantan, orang yang bukan Islam boleh dihukum. Tetapi setelah merdeka, sudah ada di dalam perjanjian antara kita hendak merdeka itu yang dipersetujui masa itu dan ada tercatat di dalam Perlembagaan undang-undang orang-orang Islam itu hendaklah ditakluk kepada orang yang beragama Islam. Ada satu case di Kelantan, dia appeal ke Mahkamah Tinggi dia mengatakan menyalahi Perlembagaan yang dituduh orang yang bukan Islam itu tidak boleh dibawa Mahkamah dan tidak ada kesalahan baginya, kerana Perlembagaan larang mereka itu dituduh kerana mereka itu bukan Islam.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang untuk meminda Perlembagaan itu sendiri untuk disesuaikan demi untuk memberi keadilan di antara orang-orang Islam dan bukan Islam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu lain daripada soalan asas; tidak payahlah Yang Berhormat Menteri jawab.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu bahawa saya tidak mampu hendak meminda seorang diri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang di-Pertua kata tidak payah jawab, Yang Berhormat Menteri hendak menjawab juga. (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan mengapa Undang-undang terhadap berzina berbeza di antara Negeri Melaka dengan lain-lain Negeri?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya mengapa hukum zina di Negeri Melaka tidak sama dengan negeri lain.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, itu kuasa Kerajaan Negeri, tanya di Melaka bukan di sini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang kesahnya ini nanti kalau dibiarkan. (*Ketawa*).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (13hb November, 1975).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,694 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976, dan bagi maksud Kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P")

dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. (13hb November, 1975)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada 91 Ahli-ahli Yang Berhormat yang boleh bercakap di dalam usul ini hanya 22 orang sahaja; masuk ke 23 orang yang telah bercakap dan satu hari ada 4 orang sebanyak-banyaknya. Hari kedua ada 7 orang. Kalau mengikut masa tidak banyak hari lagi tinggal, tentulah tidak berapa orang sahaja yang dapat bercakap. Oleh sebab itu, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bercakap seberapa boleh pendekkan sedikit, jangan terlalu banyak bunga-bunga panjang-panjang, bukan memerhatikan Tuan Yang di-Pertua, tetapi memerhatikan jam hendak cukupkan satu jam, hendak cukupkan 45 minit. Saya ada mencatatkan di sini yang paling lama bercakap seorang Ahli Yang Berhormat selama 61 minit, maknanya dia hendak cukupkan satu jam betul. Ada yang 27 minit. Tetapi bukan panjang saya hendak kira, saya percaya Ahli Yang Berhormat semua bersetuju isinya yang mustahak. Dengan sebab itu, saya berharap supaya memberi peluang kepada yang lain pula. Ahli Yang Berhormat yang bercakap mulai hari ini saya belum tetapkan lagi berapa panjang masanya. Seboleholehnya jangan perkara yang dicakapkan dalam Dewan ini tidak usahlah diulang lagi bagi menyelamatkan waktu.

Masa Majlis ini ditangguhkan semalam Ahli Yang Berhormat daripada Hilir Perak kalau tidak salah sedang bercakap, tetapi saya tidak janjikan sambung. Adakah Ahli Yang Berhormat hendak bercakap juga lagi?

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau sedikit, sila teruskan.

3.30 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyatakan minta tambahan kepada mereka yang telah

dipesarakan, kerana ada di antara ahli-ahli pasukan keselamatan yang telah dipesarakan itu mempunyai tanggungan yang ramai dan tidak mempunyai tempat yang tetap.

Selain daripada itu, sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan boleh dilaksanakan dengan baiknya sekiranya dapat difahamkan di atas seruan Yang Amat Berhormat di atas kesedaran beliau telah merayu kepada semua pihak dapat memberikan khidmat untuk memajukan negara bagi kepentingan rakyat. Oleh itu, saya menyokong seruan tersebut dengan menegaskan; dengan ikhlas, pegawai-pegawai yang muda hendaklah menyontohi pegawai-pegawai yang telah lama berkhidmat dan berjasa dan mempunyai pengalaman bertugas dengan baik dan penuh keyakinan. Pegawai-pegawai perkhidmatan apapun patutlah menginsafi akan keadaan negara pada masa yang genting ini dan janganlah hendaknya selalu mengira sangat tentang bayaran yang diterima dan selalu membuat perbandingan dengan lain-lain kawan yang sama kelulusan tetapi di lain-lain bidang perkhidmatan.

Begitu juga hendaklah diingati, perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan kepada orang ramai katalah sebagai khidmat bakti dan sebahagian daripada pengorbanan diri kepada negara kiranya bakti yang diberi hari ini adalah merupakan memberi bantuan kepada bangsa dan negara. Dan saya menyeru supaya pihak pemerintah pula patutlah memberikan penilaian kepada tiap-tiap pegawai atau kakitangan Kerajaan yang benar-benar berminat memberikan perkhidmatan yang baik hendaklah diberi ganjaran yang sesuai yang mana kita boleh tegaskan pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan Kerajaan yang memberi perkhidmatan yang cemerlang sahaja diberikan kenaikan pangkat ataupun bonus tambahan.

3.34 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tetapi tidak begitu panjang di atas Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1976 dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak membincangkan Perbekalan ini secara mendalam kerana saya tidak begitu pasti samada Perbekalan ini dan cukai-cukai yang dikenakan berpatutan atau tidak dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun dalam Dewan ini telah merayu dan membentangkan syor-syor mereka kepada Kerajaan.

(Dengan izin) At this juncture, before I could go further, Tuan Yang di-Pertua, I am happy to note the good views expressed by Ahli Yang Berhormat dari Padawan when he brought to this House the problem caused by the inadequacy of roads in the rural areas. It augurs well for the future that such views exist. It is, however, regretted that such good views were not translated into reality when he was in a good position to do so.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca sedikit Lapuran Ekonomi 1975/1976 mengenai kualiti kehidupan rakyat di negara kita dan begitu banyak ratusan rakyat yang kini masih mengalami kemiskinan, lebih-lebih lagi di kalangan bumiputra tetapi tidak dinyatakan bilangan itu mengandungi Sarawak dan Sabah.

Saya telah juga membaca tujuan-tujuan dan dasar-dasar Kerajaan tercatat dalam Lapuran Ekonomi itu untuk mengurangkan kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat. Setelah itu, saya seterusnya fikir bahawa perbekalan yang dibentangkan itu tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi sekarang memang tidak begitu baik bukan disebabkan oleh keadaan-keadaan di negara kita tetapi juga diakibatkan oleh keadaan ekonomi seluruh dunia. Oleh yang demikian, peruntukan-peruntukan dalam perbekalan ini ialah hanya dengan banyaknya peruntukan mengurus dan peruntukan untuk Pembangunan ialah hanya untuk menyiapkan apa-apa projek yang belum disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya, adakah ini disebabkan Rancangan Malaysia Ketiga masih diragukan oleh Kerajaan dan jika ya, saya berharap bahawa Kerajaan nanti mengurangkan keraguan itu supaya Rancangan Malaysia Ketiga akan dilancarkan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, looking closely at the Budget, there is reflected in it an increase in the provision for security, an increase of \$147.8 million over the previous year. One

may pause and wonder how really bad the security situation in our country is. By this, it is reflected the fact that our Government's approach to the security problem is still by and large an outright war against the menace and not by winning the hearts and minds of the people. I suppose, Sir, the security problem is only internal and not caused by any factor outside or by any outside warring power. This being so, I feel that there is more need to win the hearts and minds of the people than to build up our fire power and military might. Surely the surest way is to win the co-operation of all the people by diverting the energy and resources of the people to practical, economic and social pursuits and endeavours that become part and parcel of the society, and it will inculcate in them an all-round co-operation by all-round participation. I had hoped, Sir, that the Budget would reflect more towards rural poverty and that there would be more allocation for Pertanian and Pembangunan Luar Bandar. This is, in my opinion, the surest way to tackle the problem at the roots. Still, however, I am hopeful that the Third Malaysia Plan will bring about this reflection.

Tuan Yang di-Pertua, it is also reflected in the Budget the diminishing sources of revenue. I do not claim that these sources are lacking because of the act of the Government; they may have been caused by the world economic situation at the moment. But, however, it comes to mind that certain things are missing in the Budget, that is the hope, keyakinan yang ada di Lapuran Tahun 1974/1975 dahulu satu keyakinan bahawa petroleum akan memainkan peranan yang besar di dalam ekonomi negara. Dalam Lapuran Ekonomi Tahun 1975/1976 nampaknya sungguhpun ada anggaran-anggaran yang besar iaitu minyak akan dikeluarkan di negara ini, tetapi keyakinan itu telah tidak ada lagi. Boleh jadi, keyakinan itu telah hilang kerana Dewan ini pada tahun yang sudah telah meluluskan satu Rang Undang-undang Akta Petroleum meliputi production sharing. Nampaknya Rang Undang-undang itu dibentangkan dengan tidak ada consultation daripada pihak pelabur di bidang ini.

It almost looks like that we have hurt the goose that lays the golden eggs. However, one good aspect appeared in the newspapers two days ago, Mr Speaker, Sir, reporting that Government is renegotiating with those

investors, and I sincerely hope that these negotiations will bring about fruitful results that will be satisfactory to both sides memeningkan keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun rangka rancangan jangka panjang meliputi satu dasar yang bertujuan hendak mengurangkan kemiskinan di negara ini. Ada juga dasar itu meliputi ataupun bertujuan untuk menggalakkan peranan bumiputra di bidang ekonomi supaya dalam tempoh 20 tahun sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah kegiatan-kegiatan perniagaan dan perusahaan ekonomi di semua bidang dan peringkat ada dimainkan peranannya oleh pihak bumiputra. Ada juga tiap-tiap tahun dan pada tahun ini di muka 113 Lapuran Ekonomi 1975/1976 ada tercatat bahawa 86.7% daripada semua isi rumah dalam kemiskinan di Malaysia ini adalah terdapat di luar bandar. Kemiskinan adalah menjadi masalah kepada negara kita dan akan terus menjadi masalah negara. Yang saya bangkit demikian kerana saya hendak menyoal samada Kerajaan akan bertindak untuk mengurangkan kemiskinan ini supaya tidak berapa lama lagi kita di negara ini be recognised by poverty or would not be classified because the poverty would not transcend or would not go along racial lines but will completely be eradicated from our society.

Tuan Yang di-Pertua, my other point here is to raise certain kesulitan di Negeri Sarawak iaitu kesulitan diakibatkan oleh Dasar Ekonomi Baharu dan juga pelaksanaan dasar tersebut. Banyak orang-orang kampung iaitu orang yang mengalami kemiskinan telah bertanya samada New Economics Policy ini telah membawa kehidupan yang berlainan daripada yang sudah. Nampaknya pelaksanaan ataupun implementation of the New Economic Policy itu tidak bertujuan dengan dasar.

Mr Speaker, Sir, this has resulted in one disappointment, satu perasaan telah timbul di negeri Sarawak. Sir, since the launching of the Gerakan Sri Aman, many returnees of Sri Aman are now working in various sectors such as the J.K.R. and the Kuching Port Authority and so on. Thus, the opportunity for employment in those sectors to other communities has been diminished. The return of the "prodigal sons" has been rejoiced over by the Government.

Recently, in this sitting of the House, the Member for Kota Melaka brought a Motion on the subject of Chinese and Tamil education. Coincidental to that, I would like to reflect that the Sarawak United People's Party has also voiced the need for Bahasa China digalakkan di negeri ini. I have got newspapers with me here, newspapers which have got reports of the comments made by the S.U.P.P. over the subject of Chinese education, Mr Speaker, Sir, I do not intend at this juncture to make Bahasa a political issue because it is noted that the policy of the Government thus far has been accepted by all the people. But what I still doubt is the position of S.U.P.P. regarding the same. In Sarawak, the Sarawak United People's Party, through its Secretary-General, has resorted to giving Press comments in the Chinese newspapers; and in this Dewan, which is the highest forum in our nation where we can crystallise the opinions for the formulation of policies of the nation, that comment is lacking, that feeling is absent.

Another factor which has brought about recent concern in Sarawak is the feeling of the need for land. I am sure the Deputy Minister of Land and Mines in this House will vouch for me that the land problem in Sarawak is very complex and thus it will pose as a very major issue in the coming years in view of the socio-economic changes; and thus it needs a proper comprehensive study, so that land would be enough for everybody. As it is, Mr Speaker, Sir, land for the landless has been an issue in Sarawak despite the vast areas of empty land in Sarawak. It has resulted in a situation where this guise has been utilised for land speculation and speculation dealings.

The Honourable Member for Padawan in this House also mentioned about the need to study this matter carefully. I would feel and I add to his comment that for the landlessness is not a matter which is only to be tackled by the S.U.P.P. I am sure everyone in Sarawak has a genuine interest in making the subject a practical one for all.

Mr Speaker Sir, I wish to state here that there exists a certain force in the society in Sarawak that works its way by exploiting the weak mental awareness of the natives in Sarawak by perpetuating economic disparity and imbalance, by working on a broad base of multi-racialism on the surface and at the

same time encouraging communalism. Saya akan beri contoh di sini. Dalam kawasan pilihanraya saya Bau-Lundu ada satu jalanraya yang sekarang sedang dibina daripada Tundong ke Musi, Batu Kawa dan Matang. Jalanraya ini yang menelan belanja yang besar yang sepatutnya diluluskan menerusi kawasan yang berdekatan ke kampung-kampung yang banyak penduduk-penduduk yang mana tidak jauh daripada jalanraya itu ada kawasan yang mengandungi 8 buah kampung yang bilangan penduduknya besar daripada tiga buah pekan yang saya sebutkan tadi yang diluluskan untuk jalanraya yang sekarang dibina itu. Mereka yang ada di kampung itu, iaitu kampung Singai dan 8 buah kampung dari mula awal Malaysia telah minta kepada Kerajaan untuk membina ataupun dibagikan jalanraya yang dapat dilalui oleh kereta. Tetapi sampai sekarang ini jalanraya belum ada disediakan dan pembinaan jalanraya yang saya sebutkan tadi telah mengakibatkan perasaan tidak puas hati. Sekarang jalanraya itu akan menyambung tiga buah kedai dengan bandar yang besar. Nampaknya permintaan bumiputra dibiarkan sahaja. Sekarang satu jambatan daripada Tundong pergi ke Bau telah dibina, daripada 100 orang pekerja hanya terdapat seorang sahaja bumiputra dan projek itu memang berdekatan dengan kampung-kampung Dayak di situ yang banyak orang-orang yang boleh bekerja keras, tetapi dikehendaki pekerja dari Kuching. Baru-baru ini orang dari kampung Singai yang saya sebutkan tadi minta batu untuk jalanraya yang tidak baik (surface road) soil surface and they went off to see various authorities including the Government and in the light of the inflationary trend the Government could not give anything.

We appreciate the fact that money is tight, but at the same time for a road connecting 12 pepper planters an assistance of 300 five-ton lorry loads of quarry stones was given, to be sent to these people. I am not making this an issue, but what I am saying is why there is a complete ignorance, a complete could-not-care attitude about requests of the Dayaks or the Bumiputras. We should be giving projects based on merit. This is why I said earlier on that that a force exists to divide and rule.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, Hari Kebangsaan di Sarawak yang telah dipusatkan di Limbang, dan Parti Kebangsaan Sarawak telah menulis sepucuk

surat kepada Tuan Pengerusi Jawatankuasa Hari Kebangsaan itu menyatakan bahawa kami akan turut serta bagi merayakan Hari Kebangsaan. Saya dan rombongan telah dihantar ke Limbang untuk menyertai perayaan tersebut, dan di sana saya telah berjumpa dengan Tuan Pengerusi Perayaan itu dan saya dimaklumkan bahawa semua peraturan-peraturan dan aturcara telah di-siapkan dan tidak dapat satu kerusi diberi untuk saya bersama-sama dengan rombongan dalam peristiwa yang diadakan di Limbang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Saya hendak mengingatkan bahawa sekarang kita sedang membincangkan dalam soal-soal dasar umum, debate on the principles of government policy and administration. Jadi perkara yang semacam ini yang elok dibawa dalam masa Jawatankuasa, iaitu apabila sampai pada Kementerian-kementerian yang berkenaan kelak dan sekarang cuba tumpukan dalam perkara-perkara dasar umum dan pentadbiran.

Tuan Patrick Anek Uren: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi apa yang saya bangkitkan di sini ialah—my speaking on these few things are to prove my earlier points.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yes, you still can give them at the right time and in the right place; still the goods can be delivered at the right time and at the right place, but the debate now is on the general principles of Government policy and administration.

Tuan Patrik Anek Uren: I appreciate it, Mr Speaker, Sir, but this needs to be brought up to the notice and I feel that it is quite proper that I bring it here to underscore my earlier points, that is perasaan, if you will permit me to continue.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Continue on the general principles.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti yang saya sebutkan tadi mengakibatkan perasaan di kalangan rakyat di negeri Sarawak. I appreciate, Mr Speaker, Sir, that the majority must rule but the minority must be respected and accepted. In Sarawak, the Sarawak National

Party won 18 seats, more than 1/3 in the State Legislature and, after the Ketua Menteri Sarawak extended his hand of co-operation in view of the present needs, kami sebagai pihak yang bertanggungjawab yang sentiasa menunaikan kewajipan kami sebagai pihak yang bertanggungjawab bagi mementingkan keperluan negara, telah dihantar satu rombongan ke Limbang tetapi dibiarkan begitu sahaja, itu mengakibatkan perasaan. Where is that hand of co-operation? Mr Speaker, Sir, I am sure *Hari Kebangsaan*, you would agree with me, is a national event. Participation of all is definitely required.

It is essentially untrue, Mr Speaker, Sir, that what the Government contends is always correct, and it is essentially erroneous to presume that what the Opposition says is wrong. The problem of poverty is besetting our society today. This problem may continue, as I said earlier on, unless we really tackle this problem in the bud. The people from the rural areas now come to the towns and make a living in the urban areas. The number has increased to such a proportion that it poses a danger, and recently we have seen terrorist activities in the urban areas and we have also seen, just yesterday, that such an activity happened in Ipoh. I am sure that this terrorism can be prevented in the urban areas if the Government tackles rural poverty at its roots.

Mr Speaker, Sir, we have got a very big piece of land but most of it is unproductive. The rural poor continue to experience difficulties caused by inflation and recession now. Even if they go to the urban areas they cannot get jobs any more.

In the Budget speech of the Honourable Deputy Prime Minister, I note with interest the absence of subsidy provision in the current Budget—subsidy for urea and rice. While agreeing with the need to be cautious in spending to prevent the dependence of the people on direct aid, Mr Speaker, Sir, I view the absence of subsidy in respect of rice and fertilisers with some concern. It is so because this method had helped to prevent the fluctuation of prices of the commodities when we have not had self-sufficiency in rice and at the same time not acquired the know-how, the means to produce local fertilisers.

Mr Speaker, Sir, I would like to urge the Government to be very serious in tackling rural poverty by creating self-sufficiency in locally produced fertilisers. Malaysia, being heavily dependent on agricultural produce, should have its own fertilisers if it is to succeed in making agriculture a worthwhile occupation for young people, and to stimulate them to stay in the rural areas. This is also true if the Government is really sincere in mapping and creating a rural entity that can form the basic overall economic growth in the nation. I know of a certain move in the State of Sarawak in line with FELCRA in Semenanjung Malaysia and other bodies having the same object, to utilise and to increase the productivity of land. I hope this new view will be studied seriously and, if possible, implemented under the Third Malaysia Plan. But this arrangement cannot be worked out unless we have our own fertilisers.

Mr Speaker, Sir, I have raised the same matter in this House last time, and it was recently mentioned in this House that a urea plant for our nation is now under study. I am happy to note the same. However, I wonder why only at this juncture we have considered the necessity of producing our own fertilisers. We have been wasting too much money in producing cars and lorries, and then we have also seen attempts in Sarawak to build a cement factory. I hope that the Government now realising the dire need of the nation in view of the poverty, will see to the implementation of the fertiliser factory, i.e. understanding the fact that our land is so vast and that the majority of the young people, the school-leavers, can make a worthwhile livelihood in the rural areas if there is ample fertilisers in our country at a low price.

Mr Speaker, Sir, on the whole the Budget itself is a very good one but with these few items missing, as mentioned by the Honourable Deputy Prime Minister and Finance Minister and the present pressing economic situation, I hope the Government will come out with a better solution, a solution that will increase the sources of revenue, so that our Third Malaysia Plan will be implemented as promised, and implemented to bring about benefits to everyone. Thank you very much, Sir.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.08 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan di dalam menyokong ucapan Belanjawan Negara, 1976 tetapi walau macam manapun saya tidak akan bercakap dengan detail tentang proses perbelanjaan tersebut cuma apa yang saya hendak cakapkan sedikit sebanyak di dalam Dewan ini ialah mengenai dasar-dasar umum Kerajaan yang antara lainnya meliputi pembangunan, dasar ekonomi baru, pembangunan kerohanian dan dasar luar negeri.

Mula-mula sekali yang akan terlebih dahulu saya bertanya, apakah Dasar Ekonomi Baru yang ditaja hasil daripada peristiwa berdarah 13 Mei dahulu itu telah mencapai matlamatnya. Kalau telah mencapai matlamatnya, berapa peratuskah daripada segi hisabnya, dan kalau tidak, kenapa dan mengapa. Kita sedia maklum bahawa kejayaan atau kegagalan satu-satu matlamat pembangunan negara tentu tidak dapat diukur dalam masa setahun dua malahan ia memakan masa yang berpanjangan. Tetapi kalau kita seorang pengkaji, atau researcher tentu kita akan bersua dengan masaalah-masaalah yang saya akan sebutkan di bawah ini:

- (i) Mengikut banci penduduk lapuran golongan masyarakat 1972 kira-kira 73.3% dari penduduk Malaysia tinggal di kawasan desa dan sebahagian besarnya iaitu 65.7% daripada penduduk desa itu pula terdiri dari orang-orang Melayu;
- (ii) Mari kita perhatikan tentang quality atau mutu kehidupan (quality of life) penduduk-penduduk desa tersebut yang bererti kualiti kehidupan orang-orang Melayu pada keseluruhannya. Banci penduduk 1970 menganggarkan bahawa kira-kira 86.7% daripada semua isi rumah di luar bandar adalah hidup dalam kemiskinan. Mereka ini terdiri dari petani-petani, pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan, buruh-buruh tani dan buruh-buruh estet.
- (iii) Banci perumahan, 1970 menunjukkan bahawa 69% daripada rumah-rumah kediaman yang diduduki oleh orang-orang awam di luar bandar itu tadi ialah kurang mutunya, malah lebih jauh

kurang mutu itu, kalau kita lihat kepada negeri-negeri di Pantai Timur, umpamanya negeri saya di Kelantan, Trengganu, Pahang, Kedah dan Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada fakta-fakta dan angka-angka yang saya sebutkan tadi, maka dapatlah kita membuat suatu kesimpulan bahawa kemiskinan rakyat yang sebenarnya adalah terdapat di luar-luar bandar, dan masaalah inilah yang seharusnya ditekankan sungguh-sungguh di dalam rancangan pembangunan yang raksaksa. Apa yang harus ditekankan dan telahpun ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu, iaitu langkah pertama Kerajaan, saya quote:

“Ditujukan bagi mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.”

Kalau Kerajaan benar-benar berazam hendak mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan, maka tidak salah rasanya saya cadangkan begini:

“Pembetulan sebenar akan perseimbangan ekonomi antara kaum di Malaysia mestilah didasarkan atas asas meningkatkan pendapatan golongan desa serta meningkatkan lagi kualiti kehidupan mereka.”

Saya ulang sekali lagi, saya cadangkan begini:

“Pembetulan sebenar akan perseimbangan ekonomi antara kaum di Malaysia mestilah didasarkan atas asas meningkatkan pendapatan golongan desa atau luar-luar bandar atau golongan orang Melayu serta meningkatkan lagi kualiti kehidupan mereka (quality of their life).”

Penekanan saya pada golongan Melayu di sini adalah disebabkan mereka terdiri dari kumpulan sosio-ekonomi yang sama rupa (homogeneous) yang mengandungi lebih dari setengah penduduk desa. Ini bukanlah berarti kita harus mengeneipkan golongan-golongan kecil (sub-group) lain seumpama petani-petani Teochew di Seberang Prai, nelayan Hochiew di Dinding dan sepanjang pantai barat semenanjung serta juga petani-petani sayur-sayuran di Cameron Highlands. Apa lagi pekerja-pekerja Tamil di ladang-ladang getah atau petani-petani nenas di selatan Johor. Usaha-usaha pembangunan ke

arah meninggikan pendapatan adalah sama pentingnya dengan usaha-usaha memperbaiki mutu kehidupan iaitu meningkatkan mutu kehidupan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan dan pendapat di dalam usaha Kerajaan untuk mengatasi masaalah yang saya utarakan sebagai suatu analisa umum itu tadi.

Pertama, Anggaran Belanjawan Pembangunan Kerajaan hendaklah ditumpukan dengan banyaknya ke kawasan-kawasan luar bandar di negeri-negeri yang saya sebutkan di atas tadi. Konsentrasi pembangunan itu haruslah digerakkan memandang kepada kemiskinan yang hebat di negeri-negeri tersebut. Saya tidak bercadang hendak menyeru Kerajaan supaya mendirikan kilang-kilang yang besar—raksaksa industri-industri (giant), tetapi hanyalah sekadar untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan asas (basic infrastructure) yang tidak terdapat di kawasan-kawasan luar bandar, sekurangnya jalanraya untuk mereka yang duduk dan tinggal di luar bandar itu walaupun untuk menjual seutas pucuk paku ataupun setandan pisang. Tidak ada gunanya kita menumpukan penuh pembangunan di bandar Kuala Lumpur atau federal highway-nya atau memperelokkan padang golf di mana tempat para pemimpin berisyitirihat, kalau bom meletup lagi di Ulu Kelantan, kalau bom meletup lagi di Grik, Kroh dan sebagainya. Apalah ertinya bangunan mencahar langit? Apalah ertinya istana intan-berlian kalau penghuni di dalamnya tidak dapat tidur dengan lena; takut kepada ancaman kominis.

Saya menyebutkan thamsil dan ibarat ini kerana gerakan kominis ada hubungannya dengan kemiskinan itu sendiri iaitu kemiskinan di luar bandar. Hasutan-hasutan yang dibuat oleh golongan-golongan kominis ialah mengenai kegagalan Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat miskin di luar-luar bandar, mutu-mutu kehidupan serta kemudahan-kemudahan asas sebagai seorang manusia dalam sebuah negara yang merdeka. Islam pula berpendapat bahawa kemiskinan itu atau kemiskinan yang dahsyat itu hampir-hampir membuat manusia itu syirik atau menjadi pengacau atau masuk kominis.

Yang kedua, allocation dan distribution projek-projek pembangunan asas tidak harus

disamakan antara satu negeri dengan negeri yang lain di Malaysia, kerana di antara satu negeri dengan negeri yang lain itu memang telah wujud berbagai-bagai perbezaan pokok sejak dari zaman penjajah lagi atau zaman bahari atau zaman "un-Federated Malay States" dengan "Federated Malay States." Negeri-negeri di Pantai Timur umpamanya telah lama ketinggalan. Jadi, amalan biasa membahagi-bahagikan peruntukan sama antara satu kawasan Parlimen dengan satu kawasan Parlimen, antara satu kawasan Negeri dengan satu kawasan Negeri patut diberhentikan sekarang. Dengan lain-lain perkataan, peruntukan projek pembangunan samada besar atau kecil, samada melalui tender atau melalui gotong-royong mestilah didasarkan atas prioritas kawasan yang kurang maju. Umpamanya, peruntukan yang diberi sebanyak \$10,000 tahun ini kepada Ahli-ahli Parlimen seluruh Malaysia, saya rasakan, \$10,000 kalau diperuntukkan kepada kawasan Parlimen di bandar Kuala Lumpur di bandar Seremban, di bandar Melaka atau Pulau Pinang, maka tidak ada erti apa-apa wang sejumlah \$10,000 itu. Tetapi kalau wang \$10,000 ini diberi kepada kawasan-kawasan saya di Kuala Krai atau Ulu Kelantan atau Ulu Nerus ianya menjadi seolah-olah seperti pendapatan yang berbukit-bukit banyaknya.

Ketiga, Kerajaan mestilah menubuhkan segera bandar-bandar besar, bandar-bandar baru seperti Jali, Gua Musang, Pasir Putih Jertih dan lain-lain pekan kecil yang hidup segan mati tak mahu atau di mana-mana sahaja di negeri-negeri yang kurang maju serta meneruskan pembinaan jalan-jalan yang akan menghubungkan bandar-bandar itu. Bila bandar-bandar itu wujud dengan berbagai-bagai kemudahan perkhidmatan sosial, maka sudah tentu pihak-pihak industrialists, saudagar-saudagar atau pedagang-pedagang akan datang pula menumpukan kegiatan mereka ke tempat-tempat itu dengan tidak payah lagi Kerajaan merayu-rayu supaya mereka menubuhkan industri-industri dan sebagainya, kerana ini telah menjadi kebiasaan usahawan (entrepreneurship) untuk mencari kemudahan-kemudahan tersebut atau kemudahan-kemudahan asas, kehidupan yang baik sebelum ia menubuhkan satu-satu kilang atau industry. Penduduk-penduduk bandar seperti ini atau pembangunan wilayah seperti Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan lain-lain itu adalah merupakan projek-projek yang tidak boleh diabaikan. Saya

tidak bersetuju dengan cara pelaksanaan Kerajaan yang lepas-lepas yang banyak sangat membuat berbagai-bagai kajian sampai kajian bertahun-tahun, banyak sangat red tape. Jadi, soal-soal kajian seumpama ini saya rasa eloklah diserahkan kepada manusia (at the grass root level) sahaja, kerana saya dapati bahawa banyak di antara sahabat-sahabat saya "with due respect to them," yang bekerja di Kuala Lumpur yang berada di bilik berhawa dingin sebenarnya tidak tahu "the problem at the grass root level." Jadi, saya menyeru supaya red tape ini harus dihapuskan terus.

Keempat, Kerajaan mestilah pula memperuntukkan wang yang banyak kepada bidang-bidang pembangunan bandar dan desa di dalam negeri-negeri yang saya sebutkan tadi. Saya tumpukan perhatian kepada negeri-negeri mundur seperti yang saya sebutkan tadi, seperti negeri yang ramai orang Melayu tinggal di sana, kerana kita sedia maklum bahawa bidang kuasa penguasa tempatan, capacity dan kemampuan jawatan-kuasa peringkat ini adalah lebih berbentuk "layman," lantas kebolehan mereka untuk mencari sumber-sumber kewangan lain adalah begitu terhad. Dengan yang demikian, peruntukan bagi lembaga-lembaga bandaran dan penguasa-penguasa tempatan lain mestilah diperbesarkan ketika kita melaksanakan rancangan, projek pembangunan bandar dan desa kelak. Ertinya Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru, dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar mestilah diperuntukkan dengan banyaknya untuk pembangunan yang saya maksudkan tadi.

Yang kelima, di dalam memberi peruntukan kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan Kerajaan harus mengambil ingatan tentang iklim sesuatu tempat, kondisi atau situasi sesuatu negeri. Di masa-masa yang lepas peruntukan belanjawan bagi projek-projek yang hendak dijalankan di Negeri-negeri di Pantai Timur umpamanya, khususnya di Kelantan, saya lihat wang terlambat tiba. Ini telah melibatkan pengendalian projek-projek pembinaan jalan-jalan dan sebagainya kerana ancaman banjir yang biasanya berlaku antara bulan November dan Januari tiap-tiap tahun. Jadi dicadangkan di sini supaya peruntukan itu dihantar pada awal-awal tahun lagi supaya pembinaan jalan dan lainnya akan dapat disejajarkan sebelum tiba musim tengkujuh

pada tiap-tiap tahun yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Ekonomi Baru sejak Rancangan Malaysia Kedua dimulakan dalam tahun 1970 nampaknya berjalan sangat perlahan walaupun sudah memakan masa lima tahun. Saya menyebutkan hal ini di sini kerana matlamat utama dasar itu ialah hendak menjadikan golongan bumiputra satu golongan homogenous yang akan menguasai 30% daripada pelaburan modal dalam ekonomi negara Malaysia dalam masa 20 tahun yang akan datang. Apakah yang telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua? Apakah yang telah berlaku dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita? Walaupun kegiatan orang Melayu tertumpu pada bidang pertanian dan sedikit sahaja di bidang perdagangan dan perusahaan namun kita dapati bahawa setakat ini 75.3% bidang ekonomi pertanian ini dikuasai oleh orang-orang asing. Dari jumlah tersebut kira-kira 22.5% dikuasai oleh orang-orang Tionghua dan India dan hanyalah .09% sahaja dikuasai oleh orang-orang Melayu seperti saya. Ini bererti bahawa sebahagian besar daripada ladang-ladang getah, kelapa sawit dan lain-lain dipunyai oleh saudagar-saudagar Eropah sedangkan orang-orang Melayu menjadi buruh tani dalam negerinya sendiri.

Kalau kita kaji akan sektor perlombongan umpamanya, kita dapati seperti berikut:

Sektor Perlombongan

Kepunyaan Asing (Eropah) ...	72.4%
Tionghua dan India	17.2%
Melayu	.07%

Sektor Perkilangan

Kepunyaan Asing	59.6%
Tionghua dan India	22.7%
Melayu	2.5%

Sektor Bank dan Insuran

Kepunyaan Asing	52.2%
Tionghua dan India	24.9%
Melayu	3.5%

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disangsikan sekarang ialah bagaimanakah dalam tempoh 20 tahun akan datang peratus itu akan naik meningkat kepada 30% dalam

semua sektor perdagangan dan perindustrian. Pada pandangan saya sekurang-kurangnya ada empat faktor besar yang bakal menghalang peratus itu naik:

- (i) kekurangan para bumiputra yang akan menjadi entrepreneurship—usahawan-usahawan kerana kekurangan pengalaman dan ilmu pengetahuan mereka sendiri.
- (ii) kekurangan modal yang banyak selain daripada menyandarkan kepada bank dan institusi kewangan seperti MARA, FAMA, UDA, CGC dan sebagainya.
- (iii) kurangnya sokongan dan galakan daripada golongan bukan bumiputra samada yang berbentuk usahasama, syarikat, kongsi atau sebagainya.
- (iv) adanya faktor saingan hebat dalam sistem ekonomi free enterprise - laissez-faire, dan ini melahirkan persaingan antara Melayu dengan bukan Melayu, antara “pelanduk” dengan “gajah”.

Cara untuk mengatasi masalah-masalah ini ialah:

Pertama, Kerajaan sendiri menyelaraskan betul-betul bentuk dagang yang ada di Malaysia, ertinya modal yang banyak harus disediakan oleh Kerajaan melalui satu Tabung Amanah Pelaburan Bumiputra umpamanya, disamping MARA, PERNAS dan lain-lain. Caruman pada tabung itu dapatlah kita pungut dari pegawai-pegawai Kerajaan seperti pegawai kita yang ada dalam Dewan ini, Ahli-ahli Parlimen ataupun orang-orang perseorangan supaya kita melaburkan di dalam tabung yang besar itu. Mudah-mudahan dengan cara itu dapatlah satu tabung tambahan kepada usahawan-usahawan yang bakal kita ujudkan kelak.

Kedua, latihan yang betul-betul penuh masa dan intensif mestilah diberikan kepada entrepreneurship atau bakal-bakal pengusaha kita tadi. Bukan hanya sekadar mengadakan latihan-latihan pendek, kursus-kursus dan seminar-seminar seumpama yang dianjurkan oleh MARA. Ini adalah sesuai dengan sifat-sifat hendak menjadi entrepreneurship atau usahawan dan kita tidak akan berdepan lagi, saya rasa, dengan masalah personnel atau executive kerana ramai di antara siswazah

I.T.M. yang keluar tiap-tiap tahun dan mereka itu akan sedia membantu kita dan sedia bekerja dan berbakti kepada negara mereka.

Ketiga, Kerajaan mesti membuat arahan-arahan tertentu agar supaya pihak usahawan-usahawan bukan bumiputra memberi kerjasama dan sokongan yang kuat kepada pengusaha-pengusaha bumiputra serta mengawasi pula akan bertindak sabotaj dari kalangan-kalangan tersebut.

Keempat, sebagaimana yang saya telah utarakan dalam Dewan ini juga yakni ladang-ladang getah yang besar yang dipunyai oleh saudagar-saudagar asing dari London, Wellington atau Melbourne mestilah dibeli kembali oleh pihak perbadanan-perbadanan Kerajaan atau kalau sekiranya ada ikatan perjanjian, pajak dan sebagainya, hal ini mestilah dikaji semula. Satu cara yang Kerajaan boleh lakukan ialah dengan jalan menggunakan peruntukan-peruntukan Perlembagaan seperti dari Article 83 hingga Article 92, yakni bagi maksud-maksud pembangunan. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak seribu daya, kalau tak hendak, seribu dalih, kerana kita bukan bertujuan hendak merampas tanah-tanah dan ladang-ladang yang luas kepunyaan orang lain tetapi Kerajaan haruslah mengambil ahli secara terhormat dengan membayar balik, dengan cara membayar pampasan balik dan dengan menggunakan peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Perlembagaan. Hal ini telahpun saya bangkitkan dahulu di dalam Dewan ini.

Saham-saham di sektor perlombongan pula mestilah dibeli oleh badan-badan berkanun Kerajaan untuk dikembalikan semula kepada rakyat, semoga dengan cara ini saya rasa malamat Dasar Ekonomi Baru yang kita laung-laungkan, yang pemimpin-pemimpin kita laung-laungkan, yang Menteri-menteri kita laung-laungkan itu akan mencapai kejayaannya dalam masa 20 tahun lagi, atau sekurang-kurangnya mencapai 25% dalam masa 20 tahun lagi. Usaha-usaha melalui legislation adalah perlu untuk memperbaiki kedudukan yang tidak seimbang dalam masyarakat di Malaysia. Penyusunan semula masyarakat Malaysia tidak akan menjadi seimbang kalau dengan hanya kita bersyarah, berseminar, berdalilog, malah kalau sampai

masanya, tindakan secara undang-undang perlu diambil segera.

Kelima, Kerajaan pula mestilah menentukan bidang lain dalam sektor ekonomi ini disertai bersama oleh orang-orang Melayu, umpamanya yang saya nampak jelas kepada kita ialah di bidang perfileman. Saya rasa sudah sampai masanya pihak Kerajaan menubuhkan satu Badan Perfileman Nasional sebagai satu perusahaan bagi orang-orang Melayu, kerana kita dapati bahawa peratus filem-filem Melayu kita sekarang ini amat kecil sekali kalau hendak dibandingkan dengan peratus filem-filem yang datang dari luar negeri, sedangkan penontonnya ramai daripada kalangan orang Melayu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka pula menyentuh satu bidang pembangunan lagi iaitu bidang pembangunan kerohanian (spiritual) di kalangan umat di Malaysia, kerana saya berpendat bahawa bidang pembangunan ini akan memberi erti yang besar di dalam menjaga keutuhan dan moral negara sesuai dengan perinsip Rukunegara kita. Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk meminjam kata-kata Hamka. Begini bunyinya :

Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa,
Tegak bangsa kerana budi,
Runtuh budi runtuhlah bangsa.

“Budi” di sini ialah budi nurani, akhlak, moral atau kerohanian yang berdasarkan unsur-unsur ugama, baik ugama Islam, Keristian, Buddha atau lain-lain yang sekiranya manusia itu tidak ada moral ini, maka purak-perandalah masyarakat.

Kerajaan selalu menyatakan bahawa pembangunan mental mestilah diseimbangkan dengan pembangunan spiritual. Apakah pembangunan spiritual berjalan dengan lancar sekarang ini, apakah kita lihat pembangunan ini sekarang sudah tidak seimbang ataupun seimbang. Di mana ada satu usaha umpamanya hendak menjadikan hari Jumaat, hari besar Islam itu sebagai hari kelepasan; di mana ada satu usaha untuk menjadikan mata-pelajaran ugama dan mata-pelajaran akhlak untuk orang-orang yang bukan Islam sebagai satu mata-pelajaran wajib di sekolah-sekolah rendah, menengah atau universiti; di mana ada satu usaha untuk menutupkan semua rumah-rumah urut, semua rumah-rumah pelacuran, kelab-kelab malam dan

lain-lain; di mana ada satu usaha untuk menghapuskan peminuman arak di kalangan masyarakat ataupun di majlis-majlis Kerajaan sendiri. Mana dia undang-undang akhlak yang dilaung-laungkan oleh bapa Menteri kita. Jadi ini semua menjadi contributory factor yang menghalang kepada pembangunan-pembangunan spiritual. Mungkin orang akan menyatakan bahawa saya bermimpi kali ini bila saya menyebutkan untuk mewujudkan sebuah Universiti Islam di Malaysia. Biarlah mimpi saya ini supaya dicatat oleh tinta sejarah kerana saya berpendapat pengeluaran siswazah-siswazah dari Universiti-universiti Islam memungkinkan lebih berkesan lagi pelaksanaan pembangunan spiritual kerana hanya orang-orang yang tahu dalam bidang ini sahajalah yang akan dapat memberi pembangunan tersebut dengan lebih berkesan.

Yayasan Dakwah Islam Malaysia dengan Instituti Dakhwahnya tentu tidak mampu untuk berkejar ke sana ke mari dengan peruntukan yang sebegitu sedikit bagi memuaskan hati kita semua. Pengarah Yayasan Dakwah yang begitu gigih, yang begitu berkelibar serta dengan Ahli-ahli Jawatankuasanya tentulah tidak mempunyai kemampuan yang cukup kalau Kerajaan tidak menyediakan peruntukan-peruntukan dan alat-alat, samada moral ataupun material.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pembangunan kerohanian ini ada bertali-temali dengan pembangunan dan kemajuan agama maka suka saya mencadangkan di sini sebagai salah satu daripada dasar-dasar am Kerajaan perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Kedudukan dan pentadbiran seluruh Majlis Ugama Islam Malaysia hendaklah dikaji semula yang akan dikepalai oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia;
- (2) Sistem penggunaan wang zakat dan fitrah yang banyak di seluruh negara yang cara penggunaannya berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri lain itu mestilah distandardisekan;
- (3) Kedudukan para alim-ulama, para khadi, para imam dan pegawai-pegawai agama lain-lainnya itu mestilah dikaji supaya dapat imej mereka dinaikkan seperti agen-agen pengembang syiar Islam dan agen-agen pembangunan kerohanian (spiritual) di kalangan umat, samada Islam ataupun yang bukan Islam;

- (4) Seluruh sekolah-sekolah agama rakyat yang berada di pelusuk tanahair mestilah diambil alih dan guru-gurunya pula mestilah diserapkan menjadi pegawai-pegawai Kerajaan dialtih dan disempurnakan sekim-sekim gaji mereka supaya sama di seluruh Malaysia; dan
- (5) Para siswazah di bidang agama atau dalam lain-lain bidang yang keluar dari Universiti-universiti Islam mestilah diberi pengiktirafan yang sewajarnya kerana tenaga mereka ini boleh dipergunakan untuk pembangunan kerohanian di Malaysia ini. Ini adalah sesuai dengan apa yang diucapkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sewaktu membuka Pertandingan Membaca Quran baru-baru ini supaya intelek-intelek Islam itu memberi sumbangan kepada pembangunan yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan spiritual yang dikehendaki oleh Kerajaan Barisan Nasional, iaitu Kerajaan kita tidak akan berjalan dengan pesat kalau perkara-perkara seperti yang saya sebutkan di atas tidak diambil pusing dan tidak ada gunanya kita melaung-laungkan hal ini lagi kalau ini pun tidak dapat dilaksanakan. Perkara-perkara yang saya kemukakan di atas ini adalah merupakan satu dasar yang boleh dipraktikkan bagi mencapai matlamat pembangunan kerohanian, lebih-lebih lagi pembangunan di bidang ini boleh menjadi satu benteng yang kuat di dalam usaha mempertahankan diri daripada serangan faham komunis Marxist atau Leninist dan saya sekali-kali tidak bersetuju dengan satu pendapat yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada hari kelmarin yang mengatakan fahaman agama tidak dapat menahan kemarahan komunis—saya tidak bersetuju kerana hanya orang-orang beragama sahajalah, baik ia beragama Islam, Hindu, Buddha atau Keristian yang tidak akan menerima faham-faham yang tidak mengakui wujudnya Tuhan. Ertinya, orang-orang yang tidak beragama sahajalah yang juga tidak akan patuh kepada Rukunegara kita.

Soalannya sekarang ialah Kerajaan kita harus memupukkan semangat beragama, semangat berakhlak, semangat berbudi bahasa di kalangan umat, samada ianya Islam ataupun yang bukan Islam kerana semua agama

di dunia ini mengajar kita berbuat baik, berlaku adil dan bertimbang rasa kepada semua orang. Sekiranya pembangunan kerohanian ini betul-betul berkesan, maka manusia akan menggunakan sifat-sifat ini sebagai benteng yang teguh dan kuat padat bagi memerangi, bukan sahaja faham-faham komunis bahkan juga segala rupa maksiat dan jenayah, samada yang berbentuk penghisap dan pengedar dadah, samada yang berbentuk perompak atau samada berbentuk pembunuh sebagaimana percubaan membunuh C.P.O., Perak pada hari kelmarin, perogol, pengkhianat, anti-nasional, penderhaka dan lain-lain sifat kebinatangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya ingin menyentuh serba sedikit mengenai dasar luar negeri kita. Sebagaimana yang kita maklum di dalam ilmu politik, sesuatu dasar luar negeri adalah dibuat dengan berasaskan kepentingan-kepentingan nasional (national interest), baik yang berupa politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial. Malaysia mengamalkan dasar bebas dan berkecuali dan mahu hidup berbaik sangka dengan sesama sahabat tanpa mengira fahaman politik dan ideologi yang menjadi dasar politik negara-negara sahabat itu. Perkembangan-perkembangan baharu yang berlaku di Indo-China sejak akhir-akhir ini telah menjadi suatu pertanda bahawa suatu turning point telah berlaku di rantau sebelah Asia Tenggara ini. Apakah "Teori Domino" yang dibentangkan oleh Presiden Eisenhower pada 7hb April, 1954 itu akan berlaku atau sebaliknya. Meskipun saya tidak percaya akan "Teori Domino" tersebut dan boleh disangkal dengan berbagai-bagai hujah namun Malaysia harus memikirkan dengan semasak-masaknya teori itu dengan kawan-kawan lain dalam ASEAN, kerana kita nampak bahawa kemenangan komunis di Indo-China, khususnya di Vietnam dan Kemboja baru-baru ini telah menjadikan inspirasi besar kepada komunis di tanahair kita ini. Bagaimana dapat kita membendung kemaraan komunis dari utara menerusi Thailand umpamanya. Apakah persiapan-persiapan kita dalam ASEAN untuk melawan kemaraan tersebut; apakah pula pakatan ASEAN sendiri betul-betul dihormati oleh kuasa-kuasa besar atau kuasa-kuasa dunia ketiga. Satu inisiatif yang bersungguh-sungguh boleh dilakukan oleh Malaysia umpamanya, bagi membincangkan sedalam-dalamnya akan penyertaan negara-negara "Indo-China" itu sendiri ke dalam

ASEAN. Ada kemungkinan besar bahawa negara-negara tersebut akan menyertai pakatan ASEAN itu sekiranya ASEAN ini menjadi betul-betul satu pakatan yang tidak condong ke mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi kesangsian saya ialah peranan-peranan yang dimainkan oleh sahabat-sahabat kita dalam ASEAN sendiri, terutamanya dalam P.B.B. atau United Nations baharu-baharu ini sewaktu menghadapi persoalan Palestin. Sudah dua kali berturut-turut sahabat-sahabat kita, tiga buah negara di dalam ASEAN telah berkecuali di dalam pengundian menentukan nasib rakyat Palestin walaupun Malaysia sendiri telah menyokong dengan kuatnya. Resolusi-resolusi yang ditaja oleh Negara-negara Berkecuali termasuk Malaysia dalam P.B.B. itu telah tidak mendapat sambutan positif dari sahabat-sahabat kita dalam ASEAN. Ini adalah merupakan satu tanda-tanya yang besar yang pada pendapat saya, Malaysia tidak harus berdiam diri buat selama-lamanya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, saya hormati keazaman dan hasrat Ahli Yang Berhormat hendak memberi pandangan dan buah fikiran dengan secukupnya, tetapi oleh sebab ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat mengambil peluang mengambil bahagian, saya ambil peluang ini mengulangkan pandangan Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua tadi minta Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan ini maknanya cubalah jangan panjang, bukan saya mengatakan Ahli Yang Berhormat bercakap bunga-bunga, tetapi cuba seberapa ringkas, umpamanya. Bukan tujuan saya hendak menghadkan dengan tujuan memberi peluang masa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum mengambil bahagian. Sila teruskan. Panjang lagi?

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Sedikit lagi. Terima kasih di atas pandangan bijaksana Tuan Yang di-Pertua.

Malaysia lantaran berada di dalam Peratuan ini mungkin terjejas dari segi pandangan negara-negara Arab, Afro-Asia atau Latin Amerika. ASEAN boleh ditafsirkan oleh negara-negara tersebut sebagai satu pakatan yang pernah, yang pro orang lain, atau pro satu kuasa lain, meskipun kita tahu bahawa ASEAN ini sendiri bukanlah merupakan satu pakatan politik.

Deklarasi Kuala Lumpur dan Konsep Berkecuali Asia Tenggara dalam peringkat rumusan di kalangan negara-negara ASEAN mungkin susah mendapat kepercayaan Negara-negara Berkecuali yang lain khususnya di pihak Moscow dan Peking yang merupakan dua kuasa besar di samping U.S.A. Suka saya mencadangkan di sini supaya Malaysia berikhtiar membaiki keadaan ini supaya pandangan negara-negara yang saya sebutkan tadi tidak menjadi serong. Adalah lojik kalau orang mentafsirkan yang ASEAN ini menjadi alat pula kepada sesuatu kuasa lain berdasarkan suatu kekalahan yang teruk di Indo-China baharu-baharu ini.

Shubungan dengan ini adalah menjadi harapan kita supaya Malaysia meningkatkan inisiatif yang sungguh-sungguh kearah membincangkan soal-soal pertahanan antara Indonesia dengan Malaysia, antara Thailand dengan Malaysia bagi menjamin yang kemaraan kominis di sempadan Malaysia dengan negara-negara tersebut dapat dikawal. Sistem Pertahanan yang baharu bagi meluaskan kerjasama keselamatan sempadan mestilah dirundingkan segera dengan kedua-dua buah negara tersebut. Kita berdoa semoga perjumpaan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita dengan Presiden Suharto nanti akan membuahkan sesuatu hasil yang baik bagi kepentingan nasional kita.

Rundingan-rundingan juga mestilah dilakukan oleh Kementerian Luar dan Hal Ehwal Dalam Negeri kita dengan negara-negara Indo-China terutamanya di dalam masaalah penyeludupan senjata-senjata oleh anasir-anasir kominis dan subersif. Walaupun setakat ini kita tidak mempunyai bukti yang sahih tentang penyeludupan itu, namun perbincangan dalam perkara penyeludupan ini mestilah disegerakan sekarang sebelum ianya betul-betul terjadi dan berlaku. Saya sarankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita mencari ikhtiar dan berbaik-baik, bertukar-tukar pendapat dengan Kerajaan-kerajaan baharu di Indo-China dan lantas akhirnya mengujudkan hubungan diplomatik, kerana ini adalah mustahak bagi mendapatkan jaminan-jaminan hidup bersama dalam aman dan berkecuali tanpa mencurigai antara satu sama lain.

Persatuan Parlimen ASEAN haruslah mencari jalan keluar ke arah menerima ke-

anggotaan Ahli-ahli dari lain-lain negara di rantau ini meskipun kita mempunyai ideoloji politik yang berlainan. Sahabat-sahabat lain dalam ASEAN harus mengerti sikap Malaysia seumpama ini dan ini mestilah dijelaskan sendiri oleh Malaysia.

Mengenai Persidangan Undang-undang Laut Antarabangsa (Law of the Sea Conference), Malaysia mestilah hubaya-hubaya atau hati-hati dengan Konsep Kepulauan (Archipelagic Concept) yang boleh menjadikan bahaya yang besar kepada Malaysia. Sahabat kita Indonesia merupakan jaguh Archipelagic Concept tersebut bersama-sama dengan Filipina, Fiji dan Kepulauan Mauritius. Mengikut konsep ini laut mengelilingi gugusan kepulauan tidak bebas untuk dibuat penyelidikan, tidak bebas untuk kegiatan perjalanan menangkap ikan, menanam cable di bawah laut dan kawasan udaranya pula tidak bebas untuk penerbangan. Kita dapati bahawa dua Gugusan Kepulauan Indonesia itu terletak di tengah-tengah laut memisahkan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak kalau berasaskan tuntutan ini, maka Malaysia akan terbelah dua menjadi dua wilayah dan inilah harus diperhatikan. Walaupun nampaknya sebahagian besar negara-negara di dunia bersetuju dengan pendapat-pendapat Malaysia di dalam kedua-dua Persidangan Laut Antarabangsa di Caracas dan Geneva namun perkara ini haruslah dibincangkan dengan baik-baik di dalam ASEAN itu sendiri. Dengan demikian perkara ini mestilah dibincangkan terlebih dahulu dengan semasak-masaknya sesama sendiri.

Malaysia mestilah menentukan yang kedua-dua aspek yakni hak mengawal lalu-lintas di Selat Melaka dan aspek kedua, kebebasan di laut antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak itu betul-betul berkesan dalam amalan antarabangsa.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf mengganggu. Saya ulangkan, minta kerjasama seperti yang dikatakan tadi, panjangkah lagi?

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Jadi saya akhiri di sini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Dalam dua tiga minit lagi?

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Lima minit. Panjang lagi, kerana ini berhubung dengan dasar, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila, lima minit.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Ini dasar Kerajaan yang harus kita bincangkan dengan saksama.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan supaya Malaysia memperluaskan hubungan diplomatik dengan negara-negara Teluk Parsi, dan negara-negara Arab yang lain seperti Libya dan Turkey atau seumpamanya, kerana banyak kepentingan-kepentingan yang akan kita dapati mengenai bidang-bidang dagangan, kebudayaan dan pelajaran apatah lagi bila memandangkan Malaysia masih memerlukan banyak tanaman modal asing bagi menggiatkan prospek ekonomi di masa-masa yang akan datang. Tidaklah mencukupi bagi kita, bagi Kerajaan kita mengadakan seorang Duta di Teheran sahaja untuk mengawal kegiatan-kegiatan diplomatik di beberapa buah negara Arab tersebut. Kerana kita dapati bahawa banyak lagi negara-negara sheikh, atau negara-negara di Teluk Parsi, negara-negara minyak itu mempunyai hubungan-hubungan kebudayaan yang sama, khususnya kerana mereka adalah negara-negara Islam yang mempunyai ikatan pula dengan kita di dalam Persatuan Negara-negara Islam. Adalah tidak menasabah seumpamanya, Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mengadakan seorang Charge D'affaires sahaja di Iraq sedangkan pihak negara tersebut melantik seorang Duta di sini. Saya rasa ini tidak seimbang, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan mesti memperbetulkan hal ini dan peruntukan yang lebih banyak mestilah diberikan kepada Kementerian Luar untuk menyelenggarakan hal-hal yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, haruslah diingatkan di sini supaya Kerajaan kita sentiasa berhati-hati di dalam menghadapi sebarang langkah dan perkembangan baharu dalam bidang politik antarabangsa. Perkembangan-perkembangan yang saya maksudkan ialah

peristiwa pengutukan Zionism di P.B.B. baru-baru ini, perkembangan-perkembangan di Australia, Cyprus, Portugis Timur, Angola dan lain-lain, kerana sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat kita tidak mahu menjadi "yes-man" kepada mana-mana pihak dan tidak rela dijadikan "boneka dan antic" mana-mana kuasa. Tetapi dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara umat Islam kita berkewajipan pula membantu, menyelesaikan masaalah-masaalah umat Islam serta perjuangan mereka di mana-mana sahaja melalui saluran-saluran yang halal dan munasabah. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya berucap setakat ini sahaja.

4.51 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6hb November, 1975 yang lalu.

Seperti biasa, tiap-tiap tahun apabila Dewan ini membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan maka orang ramai ternanti-nanti, tertunggu-tunggu dengan perasaan yang gelisah dan resah untuk mengetahui tentang cukai-cukai baharu ataupun tambahan kepada cukai-cukai yang telah ada. Setelah pengumuman dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, orang ramai terutama golongan yang berpendapatan rendah berasa lega dan puas hati di atas Undang-undang Perbekalan itu. Dan dalam tinjauan saya sendiri golongan ini menyatakan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada tahun ini adalah membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional betul-betul berasa simpati dan tahu hal dan keadaan orang-orang yang berpendapatan rendah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ada juga pihak yang merasa tidak puas hati di atas tambahan cukai baharu, terutama kepada cukai impot yang dikenakan kepada motosikal. Sepertimana yang kita tahu bahawa motosikal ini bukanlah boleh dianggap salah satu barang atau benda mewah tetapi bolehlah kita katakan motosikal ini adalah menjadi satu keperluan kepada kehidupan kita hari-hari terutama

mereka yang berpendapatan rendah. Boleh dikatakan kebanyakan pekerja-pekerja dari golongan ini menggunakan kenderaan motosikal untuk berulang alik pergi mencari nafkah hari-hari. Jadi, tambahan cukai impot yang dikenakan terhadap motosikal ini sangatlah dikesalkan. Sungguhpun dalam hujah yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan tujuan dinaikkan cukai impot ke atas motosikal ini adalah untuk melindungi perusahaan pemasangan motosikal dalam negeri, tetapi bagaimana yang telah kita tahu bahawa pemasangan motosikal dalam negeri pada masa ini adalah tidak dapat memenuhi permintaan-permintaan, ini ertinya demand adalah lebih daripada supply oleh pihak-pihak pemasang motosikal itu sendiri. Oleh yang demikian, saya merayu dan berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya cukai impot ke atas motosikal ini dapat dikaji semula sekurang-kurangnya dapat kita tunda sehingga pemasangan motosikal dalam negeri ini dapat memenuhi kehendak-kehendak ataupun permintaan-permintaan penduduk-penduduk di negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada tambahan duti impot ke atas buah-buahan luar negeri seperti limau, apel, angur dan lain-lain, saya adalah sangat mengalu-ngalukan kenaikan ini. Tambahan duti impot ke atas buah-buahan tersebut bukan sahaja memberi tambahan pendapatan kepada Kerajaan bahkan yang lebih penting dari itu ialah tambahan duti impot itu secara langsung akan memberi keuntungan atau tambahan pendapatan kepada petani-petani kita yang berusaha dalam lapangan tersebut. Kita selalu mendengar kelohan-kelohan daripada petani-petani kita yang berusaha menanam buah-buahan tempatan seperti pisang, limau, nenas, tembikai dan sebagainya. Kita dapat melihat hari ini petani-petani kita telah membawa tembikai-tembikai itu; ada yang membawa dengan lori dilambakkan di tepi jalan untuk dipasarkan. Ini menunjukkan bahawa pasaran yang telah diusahakan oleh pihak yang berkenaan seperti FAMA tidak begitu berkesan atau tidak efektif, maka petani-petani sendiri terpaksa membawa buah-buahan atau tanaman mereka dari kampung-kampung di luar-luar bandar terpaksa memasarkan sendiri buah-buahan mereka. Berapa lamakah keadaan ini dapat kita biarkan. Di manakah janji-janji pihak yang berkenaan

bahawa keadaan pemasaran ini hendak dibaiki dari satu masa ke satu masa. Tetapi keadaan pemasaran buah-buahan daripada petani-petani itu kita tidak nampak apa-apa kemajuan yang telah dibuat oleh pihak yang berkenaan. Jadi, di sini saya menarik perhatian pihak FAMA khasnya supaya dapat membaiki lagi pemasaran yang telah mereka usahakan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kita kepada pelajaran. Bercakap mengenai pelajaran, saya suka menyentuh mengenai pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan iaitu tentang peralihan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) kepada Sekolah Kebangsaan. Pada lahirnya sekarang tidak ada lagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) kerana semuanya telah bertukar menjadi Sekolah Kebangsaan. Tetapi, perubahan ini tidak mengubah sikap setengah ibubapa terhadap sekolah kebangsaan. Kebanyakan ibubapa terutama ibubapa dari bandar-bandar apabila hendak menyekolahkan anak-anak mereka lebih mengutamakan sekolah-sekolah Inggeris yang telah dikebangsaankan itu walaupun rumah mereka hampir dengan sekolah kebangsaan yang asal tetapi mereka sanggup mengeluarkan perbelanjaan tambang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris yang telah dikebangsaankan itu walaupun jauh daripada rumah mereka sendiri. Ini adalah sikap ibubapa, dan saya fikir kita tidak dapat menyalahkan sikap ibubapa ini sebab ibubapa hari ini tentulah faham akan pentingnya pelajaran anaknya masing-masing. Mereka berkehendakkan sekolah-sekolah yang bermutu tinggi, sekolah-sekolah yang mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang cukup untuk anak-anak mereka belajar. Jadi dalam hubungan ini, apa yang saya hendak tegaskan ialah perbezaan-perbezaan yang besar dan sangat ketara masih lagi wujud di antara sekolah Inggeris yang dikebangsaankan dengan sekolah-sekolah kebangsaan yang asal. Saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya langkah-langkah yang kongkrit dan progresif diambil segera supaya jangan lagi timbul perbezaan-perbezaan itu.

Sebagai contoh di Pulau Pinang, ada dua buah Sekolah Kebangsaan dalam bandar yang sudah ditutup kerana kekurangan murid-murid. Ini menunjukkan sambutan daripada penduduk-penduduk bandar terhadap Sekolah Kebangsaan ini sangat sepi. Ada dua tiga buah sekolah lagi yang bakal

akan ditutup kerana murid-muridnya sangat kurang. Sebaliknya sekolah-sekolah Inggeris yang sudah dikebangsaankan itu murid-muridnya adalah lebih daripada yang sepatutnya daripada tempat yang ada dalam sekolah itu. Jadi, dalam hubungan ini saya suka menyarankan kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi masaalah yang saya timbulkan ini. Saya cadangkan:

Yang pertama, guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah Inggeris itu hendaklah sebahagiannya ditukar ke sekolah Kebangsaan dan sebaliknya mulai tahun hadapan. Yang kedua, sekolah-sekolah yang murid-muridnya kurang daripada 200 orang hendaklah dicantumkan menjadi sebuah sahaja.

Yang ketiga, peruntukan guru-guru terlatih hendaklah diseimbangkan bagi sebuah sekolah.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Dewan tidak cukup koram.

(Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir).

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, satu peruntukan khas hendaklah diberi kepada sekolah kebangsaan iaitu untuk khutub-khanah, peralatan pejabat, alat-alat sukan dan alat-alat kerjatangan.

Adalah diharapkan dengan tindakan-tindakan dan syor-syor yang saya cadangkan tadi akan meninggikan lagi mutu pelajaran anak-anak kita terutama murid-murid di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendapatan rakyat-rakyat di luar-luar bandar, sudah banyak dicakapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pendapatan atau cara meninggikan pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar. Selama ini tindakan-tindakan yang telah dijalankan oleh Kerajaan kepada petani-petani, nelayan-nelayan dan sebagainya iaitu seperti mengadakan rancangan-rancangan taliair dan lain-lain. Kepada petani perubahan ini sudah kita lihat, sudah jelas nampak tambahan pendapatan mereka, terutamanya pesawah-pesawah di negeri Kedah, Seberang Prai dan Perak. Tetapi apa yang saya hendak utarakan dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah nelayan. Di kawasan saya, dan

saya percaya nelayan di seluruh negara kita amnya, perubahan ataupun pendapatan mereka semenjak rancangan ekonomi baru yang kita cadangkan ini, kita tidak nampak tanda-tanda perubahan langsung. Di kawasan saya sendiri, kebanyakan nelayan-nelayan itu pendapatan mereka tidak lebih daripada \$70 sebulan. Sungguhpun ada rancangan-rancangan pihak Kerajaan memberi mereka bantuan seperti perahu, enjin, pukot dan sebagainya, tetapi ini tidaklah memadai. Rancangan-rancangan hendak memodenkan cara tangkapan nelayan-nelayan inipun tidak nampak kesannya sebab apabila kita menggunakan alat-alat cara moden, maka penggunaan tenaga manusia adalah dikurangkan sebab sebuah pukot tunda hanya menggunakan 6 orang nelayan sahaja pada hal nelayan-nelayan di kawasan-kawasan saya sendiri sangatlah ramai dan tidak mencukupi kalau mereka ini hendak bekerja dengan menggunakan pukot-pukot tunda, dengan cara-cara moden yang telah diperkenalkan.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan oleh sebab pembangunan negara kita begitu pesat dan selain daripada pembangunan-pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan sendiri pihak swasta pun telah mengambil daya-utama membangunkan kilang-kilang, rumah-rumah dan sebagainya. Maka keperluan terhadap buruh binaan yang mahir sangatlah mendesak. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada Kementerian, terutamanya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ataupun kepada pihak MARA mengambil inisiatif ini untuk melatih anak-anak nelayan ataupun nelayan-nelayan yang masih muda, melatih mereka menjadi buruh-buruh yang mahir, buruh binaan, misalnya, menjadi tukang batu, tukang kayu, tukang simen dan juga tukang besi iaitu membuat besi untuk cerucuk (piling).

Kebanyakan hari ini, tukang-tukang atau buruh-buruh mahir ini adalah terdiri daripada satu kaum sahaja. Ini tidaklah sesuai dengan Dasar Ekonomi Baharu. Dan kalau kita kaji pendapatan buruh mahir ini sangatlah lumayan. Saya sudah berjumpa dan sudah bertanya kepada buruh-buruh mahir ini. Ada setengahnya, misalnya tukang cat boleh dapat \$20 satu hari. Ada juga tukang kayu yang pendapatannya tidak kurang daripada \$15 sehari.

Oleh itu, saya cadangkan sekali lagi kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil inisiatif melatih para nelayan kita yang tidak mempunyai kesempatan untuk ke laut, yang tidak mempunyai kemudahan untuk pergi ke laut, melatih mereka menjadi buruh-buruh binaan yang mahir seperti tukang cat, tukang batu, tukang kayu dan sebagainya seperti yang telah saya cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang keselamatan dalam negeri. Akhir-akhir ini khasnya dalam bulan Oktober yang lepas, kejadian rompak-samun menggunakan senjata ini sangat berleluasa. Dalam catitan saya di sini ada 10 kejadian rompak bersenjata yang telah berlaku dalam bulan Oktober yang lalu. 18 orang perompak yang terlibat dan melibatkan lebih \$500,000 wang-wang mereka rompak dengan menggunakan 20 pucuk senjata iaitu pistol. Ini satu perkara yang sangat serious. Dalam kejadian-kejadian rompak itu tidak ada satu pun kes-kes rompak itu yang pihak Polis dapat menangkap mereka yang bertanggungjawab. Kepada orang ramai dan kepada rakyat negara ini satu kesan yang sangat tidak baik, kepercayaan rakyat terhadap kebolehan dan kemampuan pasukan Polis kita sudah terjajas. Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, pada pendapat saya satu tindakan yang tegas patutlah diambil.

Yang pertama, hukuman berat iaitu Akta Senjata ini telah diluluskan oleh Dewan ini hendaklah dijalankan serta-merta untuk mengurangkan segala kegiatan yang sangat terkutuk. Kedua, kita harap tambahan pasukan Polis hendaklah dibuat; dan Ketiga, pasukan Polis kita patutlah dilatih semula ataupun latihan-latihan yang diberikan kepada Pasukan Keselamatan kita, terutama Polis mestilah dikaji semula, sebab dalam 2-3 kes kejadian yang melibatkan antara pasukan Polis dengan pihak pengganas ataupun pihak perompak ini, pihak Polis walaupun menembak ataupun melepaskan tembakan tetapi tidak ada satu tembakan pun yang kena. Ini menunjukkan pihak Polis kita ini sudah ketinggalan zaman latihannya.

Kita lihat contoh hari kelmarin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu apabila driver atau pemandu motokar C.P.O. (Ketua Pegawai Polis) Negeri Perak sendiri melepaskan tembakan sehingga habis peluru kepada pembunuhnya sendiri tetapi tidak satu pun yang

kena. Sebaliknya, pihak pembunuh walaupun mereka kurang mendapat latihan dan tidak ada kemudahan-kemudahan latihan, tetapi dapat menembak kepada sasarannya dengan baik. Ini menunjukkan bahawa cara atau teknik yang kita gunakan dan latihan menggunakan senjata oleh pihak Polis kita sangatlah rendah kalau kita bandingkan dengan pihak perompak yang kurang ataupun tidak ada kemudahan-kemudahan kepada mereka. Ini patut dikaji semula dan saya cadangkan kalau boleh pihak Kerajaan mesti mulai daripada hari ini menubuhkan satu yunit khas untuk menghadapi segala perompak, pengganas, dan anasir-anasir anti-nasional atau kader-kader komunis yang bergerak dalam bandar ini. Kalau perlu pasukan yunit khas ini patutlah dihantar keluar negeri atau diadakan latihan menembak hari-hari supaya mereka mahir menggunakan senjata. Kalau tidak, saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi kejadian-kejadian yang tidak diingini akan berlaku sekiranya tindakan tidak diambil dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, saya cadangkan untuk menghadapi anasir-anasir ataupun urban guerilla komunis ini patut diadakan sekatan-sekatan jalanraya di jalan-jalanraya yang hendak keluar dari sebuah bandar ke sebuah bandar, misalnya, bandar Kuala Lumpur. Mana-mana jalan yang hendak keluar dari bandar Kuala Lumpur, seperti Jalan Ipoh, Jalan Seremban, Jalan Pahang mestilah diadakan sekatan jalanraya sebagai langkah keselamatan, atau menyekat sekiranya ada berlaku kejadian urban guerilla ini menganas, maka mereka tidak dapat melarikan diri daripada bandar itu dengan cepat, sebagaimana yang telah kita lihat seperti kejadian kelmarin di mana mereka dapat melarikan diri dengan begitu cepat. Ini adalah langkah-langkah yang saya cadangkan patut diambil oleh pasukan Polis kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang rasuah, khabar-khabar angin tentang rasuah hari ini sudah merebak. Pada mulanya bisik-bisik, pegawai itu rasuah, pegawai ini rasuah, Menteri itu rasuah dan sebagainya. Pada mulanya bisikan itu perlahan sahaja, tetapi makin hari makin kuat bisikan-bisikan ini. Seperti yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua, rasuah ini adalah salah satu daripada penyakit masyarakat yang tertua, penyakit ini bolehlah diletakkan tarafnya sama dengan

pelacuran. Rasuah ini adalah menjadi penyakit negara tidak kira negara itu negara komunis, negara sosialis ataupun negara kapitalis. Cuma ada negara yang rasuahnya tidak begitu berat dan ada negara yang kegiatan rasuahnya sangatlah menjolok mata. Berbalik kepada rasuah dalam negeri, Tuan Yang di-Pertua, khabar-khabar angin yang saya nyatakan tadi, khabar angin yang dibisik-bisikkan oleh orang ramai itu makin kuat apabila ada kenyataan-kenyataan daripada Menteri-menteri yang berkenaan, daripada Ketua Polis Negara kita dan akhir sekali daripada Ketua B.S.N. (Biro Siasatan Negara) sendiri mengingatkan samada ikan bilis, atau ikan jerung, tindakan tegas akan diambil oleh pihak B.S.N. Semua rakyat dan orang ramai yang berbisik-bisik itu merasa lega atas kenyataan akhbar itu, lega itu buat sementara, Tuan Yang di-Pertua, mereka merasa lega dan menunggu dan menanti dengan sabar bilakah kes-kes itu akan dibawa ke hadapan pengadilan. Tunggu punya tunggu, nanti punya nanti sehingga hari ini tidak ada satu kes rasuah yang telah dibawa ke muka pengadilan. Dan kebetulan pada masa cakap-cakap rasuah ini sedang bertiup dengan kencang, maka dalam akhbar-akhbar negara kita tersiar satu kes mahkamah menceritakan tentang rasuah seorang Menteri di sebuah Kerajaan asing dan 2-3 buah akhbar telah menyiarkan butir-butir perbincangan itu satu-persatu hingga memakan 2-3 muka lembaran akhbar itu sendiri. Jadi, apakah implikasi daripada kenyataan-kenyataan atau lapuran-laporan perbincangan rasuah di sebuah negara lain yang disiarkan sepenuh muka dua tiga helai lembaran akhbar itu. Apakah tamparan kepada Kerajaan kita? Ini sebagai satu tamparan kepada Kerajaan kita bahawa kita tidak mampu untuk membawa mereka yang terlibat dalam rasuah ini, tetapi ada orang lain yang mampu dan yang berani. Walaupun Menteri itu seorang yang mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam Kerajaan yang saya sebutkan tadi, tetapi mereka berani membawa perkara itu ke mahkamah. Ini menunjukkan seolah-olah negara kita tidak pernah berbuat demikian.

Saya suka menegaskan dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudah biasa dan pernah membawa ke muka pengadilan Menteri-menteri yang terlibat dengan rasuah. Kita boleh lihat balik dan kita boleh ulang balik sejarah. Tetapi apakah yang

orang ramai yang sedang menunggu sekarang ialah tindakan tegas daripada B.S.N. Kita ingin melihat. Kita tidak ingin mendengar amaran dan tidak mahu mendengar kenyataan-kenyataan akhbar sahaja. Kita ingin tindakan tegas mesti dibawa ke mahkamah. Perkara-perkara rasuah mesti dibawa ke muka pengadilan. Penuntut-penuntut daripada Sekolah Menengah, mahasiswa-mahasiswa universiti sentiasa mencakapkan perkara ini.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka ini balik semasa cuti sekolah pada akhir Disember ini, perkara ini boleh mencetuskan satu perkara yang kita sama-sama di sini tidak ingini. Ini yang saya bimbangkan. Dan akhir-akhir ini ada pula cakap-cakap angin mengatakan Ketua B.S.N. itu juga rasuah. Ini sangat dahsyat, Tuan Yang di-Pertua. Surat-surat melayang telah disebarkan di merata-rata tempat mengatakan mengapa B.S.N. tidak berani membawa ke muka pengadilan orang-orang yang bertanggungjawab, sebab dia sendiri terlibat dalam rasuah. Astagfirullah hil'azim. Saya berdoa moga-moga negara kita akan dilindungi oleh Allah dan jauhkan daripada malapetaka yang sangat dahsyat ini.

Kita sudah lihat ada Ketua-ketua Negara yang tumbang disebabkan oleh rasuah walaupun mereka itu sendiri bukan rasuah, tetapi orang-orang di bawahnya rasuah. Kita tidak ingin perkara itu berlaku di dalam negara kita sendiri.

Selama ini kita hanya mendakwa orang-orang yang menerima rasuah sahaja, tetapi pihak-pihak yang memberi rasuah itu kita biarkan bermaharajalela, pada hal hukuman terhadap orang yang memberi rasuah adalah sama berat dosanya dengan orang-orang yang menerima rasuah, tetapi orang-orang yang memberi rasuah itu hidup senang-lenang pergi ke sana ke mari, duduk dalam istana dan sebagainya. Saya harap pihak B.S.N. tidak lupa kepada orang yang memberi rasuah ini. Tangkap mereka dan bawa ke muka pengadilan dan jangan kita biarkan mereka ini bermaharajalela. Kalau kita biarkan mereka ini bermaharajalela, banyak lagi kes-kes rasuah akan berlaku dalam negara ini.

Saya fikir cukuplah, Tuan Yang di-Pertua, mengenai rasuah ini, dan ada perkara lain sedikit yang saya hendak sentuh.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila teruskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Lima minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Yang akhirnya, saya suka bercakap mengenai dasar untuk membolehkan bumiputra kita ini menguasai 30% daripada ekonomi negara. Rancangan Malaysia Kedua sudah hampir berlalu dan sekarang kita hendak mulakan Rancangan Malaysia Ketiga pula. Tetapi apa yang saya lihat bahawa usaha-usaha, rancangan-rancangan untuk menempatkan bumiputra khasnya orang-orang Melayu untuk menguasai 30% ekonomi negara kita ini masih belum berjaya dan jauh daripada kejayaan yang sepatutnya dibuat. Bandar-bandar baru yang dibuka bukan orang-orang bumiputra yang boleh menguasai atau boleh duduki. Sebab bandar-bandar baru ini jangankan kita hendak berniaga di situ, hendak duduk pun bumiputra tidak mampu. Rumah-rumah di situ berpuluh-puluh ribu harganya, apatah lagi kalau tapak-tapak perniagaan. Duit kopi sahaja hingga \$100,000 atau \$200,000—itu baru duit kopi dan belum lagi melibatkan modal yang hendak kita niagakan. Jadi pihak bumiputra, rakyat di kampung hanya boleh menggigit jari melihat dan mendengar cakap-cakap hendak menempatkan bumiputra dalam ekonomi. Kalau kita hendak mengharapkan pihak bumiputra sendiri menggunakan daya atau initiative mereka untuk mendapatkan tempat-tempat ini, sampai kiamat pun, saya fikir tidak boleh berjaya.

Apa yang saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, cara kita hendak menguasainya dengan cara yang lebih cepat, yang praktikel, pada pendapat saya, ialah menguasai—lagi sekali saya tegaskan, mencari jalan supaya bumiputra dapat menguasai syarikat-syarikat yang telah ada, syarikat-syarikat yang telah wujud, yang established. Sebab, kalau kita perhatikan dalam kajian ekonomi yang telah dibentangkan bahawa kedudukan ekonomi, kalau dibahagikan daripada segi-segi bangsa, orang Tionghua menguasai 30% daripada ekonomi negara ini, orang Melayu tidak lebih daripada 5%, orang India 2% dan selebihnya orang apa, Tuan Yang di-Pertua? Jawabnya pemodal-pemodal dari luar terutama sekali orang-orang Inggeris. Mereka mempunyai syarikat-syarikat besar

seperti Hagemeyer, Guthrie dan Boustead dan banyak lagi.

Sebagai salah seorang penduduk Pulau Pinang, saya sendiri hanya melihat sahaja kapal-kapal ini membawa barang-barang syarikat-syarikat tersebut. Kata pepatah Melayu: 10 jong masuk, anjing bercawat ekor juga. Sepuluh jong, sekarang bukan jong lagi, kapal-kapal besar masuk kita bercawat ekor juga. Kita hanya manggigit jari. Jadi saya cadangkan kepada pihak PERNAS supaya membeli saham-saham syarikat-syarikat yang menguasai 60% tetapi jangan sentuh syarikat yang dipunyai oleh orang-orang Tionghua, mereka juga rakyat Malaysia, mereka juga patut mendapat bahagian daripada ekonomi. Kuasailah syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi. Kalau tidak boleh 100% sekurang-kurangnya 55% supaya dapat kita jalankan dasar yang diidam-idamkan dan dirancangan oleh negara kita.

Saya fikir setakat itulah sahaja kerana memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa yang panjang kepada saya untuk bercakap bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 yang telah dibentangkan oleh Manteri Kewangan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat ada bertimbang rasa.

5.28 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang dalam ucapan membahaskan Belanjawan ini disamping saya mengucapkan tahniah di atas ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan yang telah membentangkan ucapan Belanjawannya pada 6hb November, 1975. Saya berpendapat Belanjawan negara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga sebagai Menteri Kewangan itu adalah satu Belanjawan yang amat baik untuk negara kita sebagaimana yang disuarakan oleh saudara-saudara saya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di sini menyatakan, kalau tidak silap saya daripada apa yang saya baca daripada

sejarah-sejarah Islam, saya sifatkan pemerintahan kita pada hari ini boleh dikatakan sebagai pemerintahan ugama Islam, sebab itulah bersesuaian sangat dengan ugama Islam sebagai Ugama Rasmi negara. Mengapa saya berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua? Kita sama-sama maklum, tiap-tiap Kerajaan tidak dapat tidak mesti mengambil cukai-cukai daripada rakyat. Tetapi sebagaimana saya masih ingat dalam pemerintahan Islam tiap-tiap seorang Khalifah menyatakan bila ia naik menjadi Khalifah, "aku akan ambil daripada orang-orang yang kaya atau orang-orang yang berada untuk memberi kepada orang-orang yang tidak berada". Jadi amat sesuai sekali Kerajaan kita hari ini telah menaikkan cukai-cukai yang difikirkan tidak diperlukan oleh rakyat jelata terutama yang miskin. Berkenaan dengan manusia selagi manusia dikatakan manusia, selagi alam dikatakan alam, apa yang kita buat walau bagaimanapun banyak sekalipun tidak pernah yang kena. Tetapi walau bagaimanapun, terpulanglah kepada kita sebagai Ahli-ahli yang bertanggungjawab kepada rakyat di sini untuk menasihati dan meminta budibicara Kerajaan mendengar atas rayuan-rayuan kita apa yang dianggap perlu untuk kebaikan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya contohkan di sini tentang cukai buah-buahan. Saya amat dukacita bila saya sebut tentang cukai buah-buahan, tentulah saya ini berbalah dengan salah seorang wakil khasnya dari Sungai Petani yang datang dari kawasan yang dekat dengan saya iaitu di utara Malaysia, kawan baik saya semenjak lama lagi dan pernah satu ketika berbahas dengan beliau dan bertentangan pendapat dengannya. Saya berpendapat salah satu daripada cukai ialah cukai buah-buahan yang dinaikkan oleh Kerajaan. Ini telah menjadi dua keuntungan kepada Kerajaan.

Satu, dengan menaikkan cukai buah-buahan maka dengan sendirinya buah-buahan tempatan akan naik harganya. Maka sesuai sangatlah Rancangan Buku Hijau yang dirangkaikan oleh Kerajaan itu. Saya masih ingat lagi satu ketika dalam Dewan ini juga yang mana wakil daripada Kuala Kedah telah bercakap dengan penuh semangat; "walau bagaimana banyak Rancangan Buku Hijau kita, bagaimana banyak rancangan Kerajaan yang akan dibuat, tentang membanyakkan tanaman dan sebagainya, Rancangan Buku Hijau tidak akan mendapat ke-

jayaan 100% disebabkan pasaran atau lebih tepatnya buah-buahan tempatan tidak ada harganya". Maka dengan sebab itu, saya berharap dengan kenaikan buah-buahan daripada luar negeri ini akan menjadikan buah-buahan tempatan ini akan lebih naik lagi harganya. Maka dengan ini dapatlah petani-petani yang memang rajin bercucuk tanam yang mana kita tahu buah-buahan tempatan juga zatnya tidak kurang daripada buah-buahan yang dibawa masuk daripada luar negeri. Tetapi apa boleh buat, telah menjadi kelaziman dan adat kepada manusia, mereka berasa malu kalau membeli buah ciku yang ditanam di kampung-kampung. Mereka berasa malu kalau membeli pisang yang ditanam daripada kampung bahkan mereka berasa bangga kalau dalam begnya terdapat buah apple dan sebagainya yang dibawa daripada luar negeri. Jadi dengan kenaikan harga ini, saya berharap selain daripada menjadi dua keuntungan akan membawakan sikap kepada rakyat Malaysia kita ataupun rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada Kerajaan kita hari ini. Saya dapati Kerajaan kita amatlah adil dan amatlah baik. Saya masih ingat dalam masa persidangan pada 29hb Oktober, 1975 iaitu hari Rabu, kalau tidak silap saya pukul 5.30 petang yang mana Tuan Yang di-Pertua juga sebagai Pengerusi Majlis telah berbalah di salah satu Rang Undang-undang semasa dalam peringkat Jawatankuasa timbul pergaduhan sehingga membawa salah seorang daripada Ahli kita mengatakan Yang Berhormat Menteri . . .

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, perkara Yang Berhormat sebutkan itu adakah berkait dengan soal yang di hadapan kita sekarang? Kalau tidak ada kaitannya, saya ingat tidak begitu tepat Ahli Yang Berhormat menyebutnya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, ada. Sebab dalam Dewan ini juga saya ada mendengar ada di antara ahli-ahli Dewan ini yang selalu menyatakan seolah-olah Kerajaan kita berat sebelah ataupun iri hati dan sebagainya. Saya selalu mendengarnya dalam Dewan ini. Jadi sepatutnya Menteri telah menjawab, tetapi sebagai seorang rakyat yang saya agak Kerajaan kita ini baik, ingin juga saya tumpang mencelah sekiranya diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Apa yang saya dapati dalam Dewan ini bagaimana saya katakan tadi boleh dikatakan kita amatlah adil pada tiap-tiap orang, begitu juga sebaran-sebaran am kita, apa sahaja yang berlaku dalam Dewan ini telah disebarkan dengan seluas-luasnya oleh TV dan Radio, begitu juga akhbar-akhbar tidak payahlah saya sebut dengan panjang. Sebagaimana saya katakan tadi apa yang berlaku semasa kita membahaskan Rang Undang-undang Koperatif Peladang, kerana pada malam itu saya mengikut TV dan Radio dan esoknya saya mengikut akhbar, semuanya telah dimasukkan oleh akhbar-akhbar. Ini menunjukkan kenyataan bahawa Kerajaan kita hari ini adalah sangat adil pada tiap-tiap pihak begitu juga sebaran am dan akhbar-akhbar kita tidak dikongkong oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Rukun Tetangga. Kita berasa syukur kepada Tuhan yang mana Kerajaan kita telah melancarkan Rukun Tetangga. Rukun Tetangga ini, pada pendapat saya memberi banyak kebaikan, satu daripadanya untuk memberi perpaduan kepada masyarakat, khasnya masyarakat bandar yang mana kita tahu hari ini, izinkan saya menyatakan dengan terusterang kadang-kadang di antara sebuah rumah dengan sebuah rumah walaupun berdekatan, tetapi tidak kenal. Berbeza dengan masyarakat kampung walaupun satu-satu kampung itu meliputi sampai 100 buah rumah, tetapi dapat dikenali ataupun pergaulan masyarakatnya sangatlah baik kalau dibandingkan dengan masyarakat bandar. Jadi, dengan adanya Rukun Tetangga ini membawa kebaikan kepada masyarakat, khasnya di bandar dan di kampung-kampung. Tetapi bukan sekadar itu sahaja. Pada pendapat saya, kalaulah Rukun Tetangga ini diperbesarkan oleh Kerajaan samada di bandar ataupun di kampung akan menjaga keselamatan. Mengapa saya kata begitu? Saya masih ingat lagi pada tahun 1949 di masa Kerajaan kita mengalami dharurat dahulu. Untuk mengenali di antara orang yang baik dengan yang jahat, Kerajaan telah mengadakan Kad Pengenalan yang sehingga hari ini tiap-tiap orang mesti mengadakan Kad Pengenalan yang mengandungi tanda merah, kuning dan sebagainya yang menunjukkan seseorang itu warganegara tanahair

kita. Jadi, Rukun Tetangga ini, saya berpendapat dan saya syorkan Kerajaan patut tubuhkan di kawasan-kawasan kampung bahkan di seluruh negara kita dan saya cadangkan tiap-tiap 25 orang rakyat dipilih seorang ketua ataupun seorang yang bertanggungjawab kepadanya. Maka dengan itu, mereka sendiri dapat tahu kedudukan rakyatnya ataupun anak buahnya yang 24 orang itu lagi samada baik ataupun buruk, tidaklah seperti hari ini kita berharap kepada Kerajaan semata-mata untuk menyasiat di mana baik dan di mana buruk rakyat itu. Tetapi kalaulah kita jalankan seperti mana yang saya katakan tadi, maka dengan sendirinya tidak payah kita mendapat tahu daripada Special Branch ataupun daripada Mata-mata Gelap Kerajaan, maka dengan sendirinya kita tahu daripada tiap-tiap kampung, daripada tiap-tiap tempat lapuran daripada ketua-ketua yang saya maksudkan tadi. Dan elok sangat sebagai muhibah sesama kita juga sebagai menjaga keselamatan tiap-tiap 25 orang tadi dapat mereka tahu ke manakah orangnya itu. Kalaulah sehingga seminggu dia tidak ada di kampung bukan tiap-tiap seorang itu kita bermaksud untuk mengikut dari belakang atau mengambil tahu hal orang lain, tetapi banyak seginya. Boleh jadi kalau orang itu keluar mencari makan tidak balik dapat mereka menolong dan boleh jadi kalau seseorang itu keluar dengan tujuan yang tidak baik orang yang berkenaan dapat tahu dan memberi kenyataan kepada Kerajaan. Maka dengan sebab itu, saya yakin selain daripada pegawai-pegawai Polis, selain daripada alat-alat Kerajaan ini adalah satu jalan untuk menolong memberi keamanan kepada negara kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang keselamatan sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat-sahabat saya yang lain tadi, saya sokong penuh patutlah pasukan keselamatan itu kita besarkan lagi dengan berbagai keistimewaan. Saya amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kadang-kadang saya berasa bangga dan gembira setiap hari perayaan baik pada hari perayaan menyambut kemerdekaan dan berbagai lagi, tiap-tiap kita adakah temasya maka pasukan keselamatanlah menjadi satu pasukan yang

menghiburkan dalam majlis berkenaan, perbarisan dan sebagainya dan pasukan keselamatanlah yang disebutkan oleh pemimpin-pemimpin kita, kita ucapkan tahniah dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, saya berharaplah kita beri keistimewaan pada pasukan keselamatan kita dengan memberi imbuhan ataupun apa yang berpatutan. Saya mengucapkan syabas kepada Ketua Polis Negara kerana mata-mata atau serjan yang membawa Ketua Pegawai Polis, Perak yang telah terbunuh itu, beliau telah menyampaikan derma sebanyak \$10,000 kepada balu yang berkenaan. Saya berharap bukanlah semata-mata kita beri sekali gus, dan saya sokong sebagaimana kata Ketua Polis Negara, beliau akan mengambil berat atau perhatian besar di masa yang akan datang. Saya berharap sangat bagi anggota Pasukan Keselamatan yang mati terbunuh dalam tugasnya menjaga keselamatan negara, sama ada polis atau askar, Kerajaan patutlah menjaga pelajaran anak-anak mereka itu sekurang-kurangnya sampai peringkat Sijil Rendah Pelajaran, terutamanya balu yang difikirkan terdiri daripada orang yang sangat susah.

Kadang-kadang kita tengok dalam akhbar dipaparkan berita-berita sedih mengenai Pasukan Keselamatan yang kena bunuh samada polis atau askar, maka banyaklah anak-anak yang menjadi mangsa dan terbiar. Kita tahu keadaan ini berlaku tidak tentu masanya kepada Pasukan Keselamatan, tetapi kita juga sedar bahawa Pasukan Keselamatan adalah bertugas siang dan malam menjaga keselamatan kita semua. Saya berharap di atas perkara ini patutlah Kerajaan mengambil berat dan memberi pertimbangan wajar.

Beralih saya kepada masalah bakal-bakal haji yang kita dapat tahu daripada akhbar, radio dan talivisyen, kita amatlah sedih kerana masa penerbangan yang ditetapkan pada pukul 12.00 hari misalnya, telah ditangguhkan pada hari esok. Masalahnya ialah telah menjadi kelaziman kepada orang-orang Melayu yang beragama Islam, kalaulah satu-satu keluarga itu hendak ke Mekah, mereka berasa tidak puas hati kiranya sahabat handai ataupun keluarganya sendiri tidak boleh menghantarkan mereka ke pelabuhan atau lapangan terbang. Misalnya, di Pelabuhan Pulau Pinang ataupun di Lapangan Terbang Subang. Alangkah sedihnya, baru-baru ini sama-sama kita menge-

tahui pelayaran ditetapkan pada hari Selasa, tetapi telah diubah kepada hari lain dengan serta-merta oleh kerana beberapa halangan yang tak dapat dielakkan. Adakah perkara ini kesalahan MAS atau Lembaga Urusan dan Tabung Haji, saya tidak pasti. Walau bagaimanapun, saya berharap kepada kedua-dua pihak yang berkenaan samada Lembaga Urusan dan Tabung Haji atau MAS hendaklah berunding supaya keadaan yang telah berlaku tidak berulang, selain daripada apa yang berlaku di Mekah yang mana Yang Berhormat Menteri, Datuk Haji Mohamed Asri sendiri akan ke Mekah untuk berunding menyelesaikan masalah itu. Selain daripada itu, saya mengesyorkan Kerajaan patutlah mengadakan penerbangan kapal haji ini di Butterworth.

Kita berterima kasih kepada Kerajaan yang telah mengubah pada masa dahulu iaitu orang-orang dari Utara yang terpaksa naik di Pelabuhan Pulau Pinang dengan melalui jeti dan sebagainya, tetapi hari ini bakal-bakal haji boleh naik di Pelabuhan Butterworth. Saya berpendapat juga pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji patut mengaturkan pada masa yang akan datang untuk orang-orang di Utara Malaysia seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak patutlah diadakan penerbangan dari Butterworth sahaja dan tak payah lagi semuanya datang ke Kuala Lumpur, walaupun mereka dapat bersuka ria, kerana pada musim haji, saya tengok sebagaimana kata pepatah, kapal pecah, yu kenyang. Pada masa itulah peniaga-paniaga di Kuala Lumpur, baik hotel dan sebagainya mengambil kesempatan terhadap penduduk kampung yang begitu susah dengan berbagai cara. Saya berharap mendapat perhatian dari pihak yang berkenaan.

Saya juga berharap diberi perhatian atas masalah guru-guru agama. Kita seringkali menitekbaratkan guru-guru agama yang tidak mendapat latihan ataupun kursus sewajarnya seperti guru-guru lain. Saya berharap guru-guru agama ini diberi latihan sebagaimana guru-guru sekolah kebangsaan dan lain-lain dan juga seboleh-bolehnya masa pengajaran agama Islam patutlah ditambah lebih sedikit dalam seminggu dan mengikut keadaan yang sesuai untuk murid-murid menerima pelajaran itu.

Beralih kepada masalaahl cuti umum, saya cadangkan cuti pada hari Jumaat. Salah seorang Ahli Dewan ini telah bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri iaitu tak bolehkah cuti hari Ahad itu digantikan dengan hari Jumaat. Memandangkan kepada segi perniagaan, jawabnya tak boleh. Saya amat dukacita memandangkan negara kita yang mempunyai beberapa buah Negeri cutinya tak sama. Setahu saya: Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu dan Johor cutinya pada hari Jumaat, lain-lain Negeri cuti pada hari Ahad. Tak bolehkah Kerajaan kita menyamakan kedudukan cuti itu pada satu hari yang lengkap? Pada pendapat saya, cuti yang menasabah bagi kita ialah pada hari Jumaat. Saya bukanlah hendak melawan Kerajaan dari segi perniagaan dan sebagainya, kerana kita tahu walaupun kita kata akibatnya dari segi perniagaan kerana tak sama dengan negara-negara lain, tetapi kalau kita pandang waktu perniagaan dunia luar pun masanya tak sama, bahkan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak sudah berbeza setengah jam. Apatah lagi antara negeri kita dengan England dan lain-lain, kadang-kadang boleh jadi hari ini kita hendak buka pejabat, ada setengah negeri hendak tutup pejabat. Dengan sebab itu, saya berpendapat cuti umum patutlah disatukan pada hari Jumaat, walaupun kita kata rugi pada satu hari, tetapi hari lain dapat kita menguruskan pekerjaan. Bekerja pada hari Jumaat adalah merugikan, kerana telah menjadi kelaziman pada pukul 12.00 tengahari setengah pekerja dibolehkan pulang kerana menunaikan sembahyang Jumaat, tetapi boleh jadi mereka tak sembahyang Jumaat, sebaliknya mereka mengambil kesempatan pada hari Jumaat.

Saya masih ingat lagi sebelum merdeka dahulu kita mengadakan peraturan bekerja di bulan puasa mulai pukul 8.00 pagi hingga pukul 2.00 petang, tetapi ada yang tak berpuasa telah mengambil kesempatan masa rihat selepas pukul 2.00 petang itu terus pergi ke kelab. Mereka mengambil kesempatan lebih dahsyat di dalam bulan yang mulia itu. Dengan sebab itu, saya merayulah kepada Kerajaan supaya cuti itu patutlah disamakan kerana cuti hari Ahad, saya fikir lebih banyak merugikan daripada kebaikannya. Sebagaimana saya katakan tadi dari segi pejabat dan dari segi persekolahan pun begitu juga, kadang-kadang terpaksa balik awal bagi membolehkan kanak-kanak yang dewasa menunaikan sembahyang Jumaat. Maka dengan sendirinya sudah dua kali rugi, pada hari Ahmad dan pada hari Jumaat, walaupun hanya 45 minit sahaja.

Tuan Yang di-Partua, saya beralih kepada perindustrian. Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan bahawa Kerajaan kita pada hari ini telah mengadakan banyak perindustrian, khasnya di Perlis, negeri saya sendiri. Semenjak diadakan dua kilang industri iaitu kilang gula dan juga simen banyak pekerja-pekerja daripada anak-anak Perlis yang dapat bekerja. Kalau hendak kira jumlah motosikal di sana tidak dapatlah saya hendak mengirannya oleh sebab bertambah banyak dengan pesatnya. Tetapi apalah malangnya kepada nasib bumiputra di kampung sebagaimana kata kawan-kawan saya tadi tidak lebih daripada kuli menebang tebu kalau di kilang gula dan kalau di kilang simen tidak lebih daripada kerja-kerja buruh kasar semata-mata. Dengan sebab itu, di Dewan yang mulia ini saya merayu sangat dan menyokong sebagaimana yang disuarakan oleh wakil rakyat dari Ledang tempoh hari sampailah masa dan ketikanya bagi kita melatih anak-anak bumiputra membuat kerja-kerja yang mahir supaya dapat dibuat oleh mereka. Janganlah bila kita bertanya kepada tiap-tiap industri diberi jawapan: Apa boleh buat, bumiputra tidak ada kemahiran, bumiputra tidak tahu. Sampai bilakah boleh kita dengar jawapan yang sedemikian. Kalau pada masa dahulu biasa orang kata kita tidak boleh merdeka, tidak tahu buat itu tetapi pada hari ini kita boleh buktikan. Saya fikir tidak ada benda yang tidak boleh dibuat, kalau kita mahu buat dari sedikit-sedikit dapat kita jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada satu penyakit yang besar yang selalu kita dengar melalui radio iaitu dadah. Tiap-tiap malam kita dengar radio dan kita tengok dalam TV dibuat gambar dadah, jangan hisap dadah, jangan jadi pengedar dadah dan sebagainya. Kita mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Kerajaan yang sungguh-sungguh mengambil berat hal ini. Pada pendapat saya patut kita menambah lagi undang-undang berkenaan dengan dadah selain daripada undang-undang yang ada. Pada hari ini siapa yang menghisap dadah kita nasihatkan kepada mereka masuk ke tempat pemulihan hisap dadah, tetapi kita tidak ada kuasa menangkap orang yang menghisap dadah, kecuali pada masa dia sedang menghisap, kalau tidak ada barang di mulut kita tidak boleh tangkap kerana itu ada dalam peraturan kita pada hal kita tahu tanda-tanda orang hisap dadah yang kita lihat dalam TV

sebagaimana telah disyarahkan oleh pihak orang-orang yang mahir dan tahu menghisap dadah, kita tahu tanda-tanda orang hisap dadah matanya luyu, hidupnya tidak tentu arah, mukanya pucat (kekuning-kuningan) tetapi tidak ada peraturan yang kita boleh tangkap mereka. Kita boleh tangkap bila benda ada dalam tangan dan ada dalam mulut mereka. Orang yang menghisap dadah inipun cerdik, bila dia tengok orang hendak menangkap dia, dia tidak beri barang itu tetapi kita sudah tahu orang ini hisap dadah tetapi tidak ada peraturan yang kita boleh tangkap dia. Dengan sebab itu, pada pendapat saya kita patutlah bukan sahaja menasihati atau dengan kehendak dia sendiri bahkan dengan adanya satu undang-undang bila kita tahu dan betul-betul sah bahawa orang ini hisap dadah, pihak doktor pun mengesahkan bahawa betul dia ini penagih dadah, penghisap dadah, dengan ada kenyataan yang cukup Kerajaan boleh hantar ke tempat pemulihan baikpun pegawai-pegawai atau guru-guru dan sebagainya kerana penghisap dadah ini tidak kira siapa, ada daripada pegawai-pegawai Kerajaan, ada daripada murid-murid sekolah dan ada berbagai-bagai lagi. Dengan sebab itu, saya berharap untuk menghapuskan penyakit ini yang kita tahu penyakit yang besar yang tiap-tiap hari kita dengar boleh merosakkan kepada negara kita patutlah Kerajaan mengambil berat sebagaimana saya syorkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali dalam

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Memanggil nama Tuan Yang di-Pertua bunyi nada itu manja sangat (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Untuk menyerikan dengan keadaan Tuan Yang di-Pertua yang begitu berseri itu. (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila teruskan!

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar kejadian tunjuk perasaan berlaku dalam negara kita ini dan baru-baru ini berlaku lagi ketika Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri melawat keluar negeri. Apa yang telah berlaku telah disuarakan oleh Ahli-ahli dalam Dewan ini supaya jangan berlaku lagi kerana ini telah

memalukan nama negara kita bahkan memalukan Ketua Kerajaan kita sendiri. Saya pernah ditemui oleh seorang hamba Allah yang mengatakan: Aku cukup berasa sedih kerana ada orang mencaci Tun dan Datuk Hussein. Kalau boleh kata dia: Biar aku mati asalkan jangan dicaci Tun dan Datuk Hussein. Begitu sedih dia mendengar berita tunjuk perasaan yang telah berlaku baru-baru ini di luar negeri.

Saya tahu boleh dikatakan tiap-tiap negara ada duta yang kita hantar ke sana sebagai mewakili Kerajaan kita. Saya berharap kepada duta-duta ini mengambil bahagian yang sungguh-sungguh supaya dapat menggambarkan kedudukan Kerajaan kita yang sebenar. Janganlah bila kedatangan pemimpin-pemimpin kita seperti Yang Amat Berhormat Tun sendiri telah dituduh oleh rakyat yang asalnya daripada negara kita, khususnya pelajar-pelajar dengan tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab. Saya berharap duta-duta ini akan mengambil perhatian yang berat dan saksama, baik dari segenap segi perniagaan dan sebagainya dan kita berharap sangat kalau boleh biarlah duta-duta ini orang yang akan mengambil daya usaha yang sungguh-sungguh. Janganlah bila terjadi satu-satu kejadian, tidak ada tempat di Malaysia kita lantik menjadi duta, jadi seolah-olah duta ini tidak ada apa kerja. Saya berharap bila duta itu pergi ke satu-satu negara bukan kita pandang mudah bahkan dia sebagai seorang pesuruhjaya untuk memberi gambaran yang sebenar kepada negara kita, baikpun dari segi pemerintahan, dari segi ekonomi ataupun dalam lain-lain bidang. Jangan Menteri kita sahaja hendak pergi ke satu negeri hendak membuat hubungan perniagaan dan sebagainya, biarlah duta itu mengambil bahagian yang sungguh-sungguh. Dengan jalan ini saya berpendapat boleh menambahkan hasil kepada negara kita dan kita berharap juga duta-duta kita itu bukanlah sebagai seorang duta untuk diplomat semata-mata, bahkan dari segi perniagaan atau dari segi apa-apa pun duta-duta inilah yang akan mengambil bahagian yang cergas.

5.57 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil

bahagian dalam membahaskan Anggaran Belanjawan, 1976.

Sebagai permulaan saya ingin menyentuh mengenai perkara siberan ekonomi negara kita pada masa ini. Dalam keadaan negara menghadapi inflasi dan dasar Kerajaan untuk menarik industri-industri ke luar bandar, saya rasa eloklah saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai perkara ini. Di kawasan saya pada masa ini tidak ada langsung industri-industri yang didirikan. Oleh yang demikian, anak-anak muda di sana kebanyakannya berhijrah ke bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Ipoh serta Taiping dalam usaha mencari nafkah hidup mereka dengan bekerja di industri-industri di bandar-bandar tersebut. Oleh kerana mereka ini telah mendapat latihan dan mempunyai pengalaman sudahlah sampai masanya jika industri-industri didirikan di sana. Tenaga anak-anak muda ini boleh digunakan kerana mereka sudah mempunyai pengalaman semasa bekerja di bandar-bandar. Dengan cara menarik industri ke luar bandar juga banyak masalah dapat diatasi seperti pengangguran di luar bandar, kesesakan di bandar dapat dikurangkan dan juga masalah perumahan dan lain-lain. Kawasan yang sesuai untuk mendirikan industri memang ada. Tenaga buruh senang diperolehi dari penduduk-penduduk di sekitar kawasan ini. Oleh yang demikian, saya berharap kawasan saya dijadikan kawasan perindustrian sebagai satu cara meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar yang lebih daripada 75% adalah terdiri daripada bumiputra. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian serta Perbadanan Kemajuan Negeri Perak mengambil berat perkara ini serta menjadikan cadangan ini satu kenyataan. Kalau dibandingkan kawasan saya dengan kawasan-kawasan yang lain keadaan ekonominya amat jauh ketinggalan. Tanah di kawasan ini tidak mencukupi untuk mereka bercucuk tanam, apatah lagi apabila sampai ke jenerasi yang akan datang. Oleh itu, saya berharap jika dapat dibuka tanah-tanah hutan yang berhampiran untuk dijadikan estet kelapa sawit dan getah. Sebagaimana yang diketahui, masih banyak kawasan hutan yang terbiar begitu sahaja tanpa diusahakan. Dalam mengatasi kesulitan ini Kerajaan telah melancarkan be-

berapa projek sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru, di antaranya, sebuah kilang untuk memproses getah telah didirikan dan penanaman padi dua kali setahun telah juga dijalankan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pertanian yang sentiasa bekerjasama dengan penanam-penanam padi dengan memberi bantuan baja dan teknik serta lain-lain kemudahan. Tetapi tanaman padi dua kali setahun ini tiada dapat dijalankan dengan lancarnya kerana kekurangan air. Oleh itu, saya berharap kiranya dapat Kerajaan mengadakan taliair yang sempurna yang boleh membekali air sepanjang tahun.

Mengenai pelajaran anak-anak kampung di sana pula saya berharap kiranya Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat memberikan perhatian yang lebih dengan memberi kemudahan seperti sebuah khutub khanah atau perpustakaan yang lengkap untuk murid-murid membuat rujukan di masa lapang terutama di Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Ya'kub. Di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, murid-murid dapat membuat rujukan di Perpustakaan Nasional dan lain-lain perpustakaan. Tetapi kemudahan seperti ini tiada dapat dinikmati oleh penuntut di luar bandar. Dengan sebab itulah taraf pelajaran anak-anak di luar bandar ketinggalan jika dibandingkan dengan penuntut-penuntut di bandar. Mereka ini bukan otaknya lemah tetapi oleh kerana kurang bahan rujukan. Walaupun ada guru-guru yang memberi khidmat mereka secara sukarela yakni mengajar pula di waktu petang tanpa apa-apa bayaran yang dibayar kepada mereka.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, quorum tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Mereka ini bukan otaknya lemah tetapi oleh kerana kurang bahan rujukan. Walaupun ada guru-guru yang memberi khidmat mereka secara sukarela yakni mengajar pula di waktu petang tanpa apa-apa bayaran yang dibayar kepada mereka. Dan ini saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana

mereka ingin melihat anak bangsa mereka maju dalam pelajaran. Tetapi dengan memberi pelajaran secara begini sahaja tidak mencukupi. Kerana guru-guru juga perlu mempunyai pelajaran yang lebih daripada murid-murid untuk membolehkan mereka mengajar.

Selain daripada itu, sebuah asrama untuk sekolah tersebut amat juga diperlukan untuk menampung murid-murid seramai lebih kurang 2,500 orang. Kalau kita perhatikan penuntut-penuntut yang tinggal di asrama penuh jauh lebih maju dalam pelajaran kerana mereka senang diajar secara berkumpul dan boleh bertukar-tukar fikiran antara satu dengan lain. Tetapi bagi murid yang tinggal keseorangan di rumah tiada tempat ia hendak bertanya jika berhadapan dengan masaalah pelajarannya. Terutama pula jika ia tinggal di kampung di mana kawan sekolah tiada duduk berhampiran dengannya. Sebuah Dewan bagi sekolah ini patut juga ditimbang. Kerana amatlah tiada menasabah bagi sekolah yang mempunyai begitu ramai murid dan lebih kurang 100 orang guru tidak mempunyai sebuah Dewan. Adalah diharapkan perkara yang telah saya bangkitkan ini mendapat perhatian yang segera dari pihak Kementerian Pelajaran.

Lagi satu perkara ialah mengenai bekalan letrik. Ada beberapa buah kampung di kawasan saya yang tiada mempunyai bekalan letrik. Tetapi yang menghairankan saya ialah kampung yang berhampiran telahpun ada letrik. Oleh yang demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan berusaha supaya kampung seperti yang saya nyatakan tadi diberi bekalan letrik dengan segera, kerana kerja membekalkan letrik bagi kampung ini amat mudah iaitu dengan menyambungkan sahaja kawat ke kampung yang berhampiran, yang tidak berapa jauh. Yang menyedihkan ialah orang yang terang-benderang di waktu malam, tetapi kampung yang berkenaan gelap-gelita seolah-olah kampung ini dianaktirikan. Penduduk-penduduk kampung ini telah berkali-kali merayu untuk mendapatkan bekalan letrik kepada J.K.K. Dalam hal ini walaupun banyak perbelanjaan yang akan digunakan oleh K.E.D. atau L.L.N. kerana penyerahannya belum diselesaikan, tetapi adalah menjadi kewajipan kita bersama agar perasaan yang saya sebutkan tadi tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka pula menarik perhatian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai belia-belia kita. Kerajaan patut mengadakan satu badan untuk mengawasi belia-belia kita. Mereka patut diberi pekerjaan yang menasabah supaya tidak terceburlah dalam anasir-anasir yang tidak diingini, kerana belia ini amat senang dipengaruhi oleh anasir jahat. Jika kurang diawasi mereka mungkin menyertai komunis dan kongsi-kongsi gelap serta lain perbuatan jahat. Elok juga rasanya mereka ini diberi tunjuk ajar supaya cara mereka berfikir adalah untuk mendatangkan kebaikan dan kesejahteraan negara. Kalau kita perhatikan semua anasir-anasir jahat ini terdiri dari kaum belia. Ia menunjukkan belia yang kita harapkan akan menggantikan kita di masa akan datang, amat mudah dipengaruhi. Kerajaan elok mencari jalan supaya mengubah cara belia kita berfikir dengan memberi pelajaran dan kemudahan yang sepatutnya supaya mereka dapat mempertahankan diri atau mengelakkan diri apabila anasir-anasir jahat cuba mempengaruhi mereka. Untuk menjayakan perkara ini sebuah asrama patut diadakan supaya belia-belia dari kampung dan bandar dapat diberi ceramah dan bimbingan ke jalan yang betul.

Satu perkara lagi ialah mengenai RELA. Pasukan RELA ini telah ditubuhkan beberapa tahun yang lalu. Tetapi sekian lama sudah ditubuhkan masih lagi menggunakan kayu untuk menjaga kampung dan keselamatan harta-benda. Kita tahu anasir-anasir jahat menggunakan senjata api dan lain senjata yang merbahaya. Jika dibandingkan kelengkapan senjata RELA dengan anasir ini amatlah tidak patut. Bagaimana RELA yang berkayu sahaja boleh melawan anasir yang berpistol dan bersenjata api. Oleh itu, saya berharap supaya Pasukan RELA ini diberi latihan menggunakan senjata api dan seterusnya dibekalkan dengan senapang, kerana kita tahu mereka ini dan kita percaya mereka tidak akan menggunakan senjata ini untuk jalan-jalan yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Belanjawan Tahun 1976, suka saya menarik perhatian Dewan ini bahawa cukai baru yang dikenakan amatlah baik pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, adapun cukai berkenaan dengan alat-alat solek dan minyak wangi yang dikenakan oleh Kerajaan itu

memang patut. Walaupun saya bukan seorang wanita, tetapi saya harap perkara ini bukanlah maknanya saya benci wanita-wanita bersolek. Apa yang menjadi kemuskilan pada saya bahawa wanita-wanita di negara kita ini terlampau manja. Kalau kita tinjau daripada jiran kita di Thailand ataupun di Indonesia, wanita-wanita di negara tersebut rajin. Mereka menggunakan alat-alat solek daripada bahan-bahan yang ada di negara mereka, sebab itulah kita lihat wanita-wanita di Indonesia dan Thailand cantik-cantik dan gebu-gebu belaka (*Ketawa*). Di negara kita tidak kurang dengan bahan-bahan solek seperti buah betik, mentimun, daun pandan, bunga anika jenis bunga dan lain-lain lagi. Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan ini boleh diproses dan dijadikan alat-alat solek yang asli. Tak payah kita mengimpot alat-alat solek daripada negeri lain dan lagi Kerajaan dapat menjimatkan wang untuk negara kita. Pada masa ini, khasnya orang-orang Melayu ataupun China amat kurang menggunakan bedak sejuk. Tuan Yang di-Pertua, bedak sejuk ini diperbuat daripada beras dan dicampur dengan daun pandan. Cara membuatnya amat mudah dan senang, malangnya wanita-wanita kita tidak mahu berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, wanita-wanita di Siam atau Thailand ataupun di Indonesia kebanyakan mereka menggunakan bahan-bahan solek mereka daripada bahan-bahan tempatan sepertimana saya katakan tadi . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam sungguh pengajian Yang Berhormat (*Ketawa*). Sila teruskan!

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Keaslian wajah meraka dan juga kulit mereka tidak rosak. Sepertimana saya difahamkan bahawa alat-alat solek yang dibeli di kedai-kedai adalah diperbuat daripada chemical-chemical yang diproses dan kurang sesuai untuk kulit wanita-wanita kita di Malaysia hingga setengah daripadanya menerima kesan sebaliknya, usahkan makin licin bahkan makin berkedut. Tuan Yang di-Pertua, janganlah pula pihak wanita-wanita kita di Malaysia langsung tidak bersolek dan berbedak, perkara bersolek dan berpakaian kemas ini memang patut dan lagi inilah satu caranya memikat suami di rumah. Janganlah pula dibiarkan badan bau busuk nanti lari pula suami daripada berdamping dengan

isteri. Kita di Malaysia tak kurang dengan bunga-bunga, bunga tanjong, bunga cempaka dan bunga melor amat harum kalau dipakai. Kita tak payah mengeluarkan wang tetapi wanita-wanita kita hendaklah berusaha sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam ucapan Belanjawan pada 6hb November, 1975 bahawa kereta-kereta yang diimpot dikenakan cukainya lebih tinggi. Apa yang menjadi sungutan daripada orang ramai ataupun rakyat pada masa ini bahawa kereta-kereta yang dipasangkan di sini tidak begitu selesa dan tidaklah begitu baik. Kereta-kereta yang dipasang di sini tidak kukuh dan tidak seperti kereta-kereta yang dipasang di luar negeri. Saya harap Kerajaan dapat mengambil sesuatu daya-usaha supaya industri-industri yang memasang kereta-kereta agar membuat kerja-kerjanya lebih kemas dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita sedia maklum bahawa Kerajaan akan menghapuskan dadah daripada negara kita. Apa yang menjadi kemuskilan kepada saya ialah poster-poster yang diedarkan keseluruhan negara dengan cogan kata yang berbunyi di antaranya: "DADAH, ARAK MEMBINA-SAKAN DIRI DAN MASYARAKAT." "ARAK PUNCA KEJAHATAN" dan ditambah dengan perkataan "Maksud Hadith". Tuan Yang di-Pertua, poster-poster ini boleh kita lihat di dalam Bangunan Parlimen ini iaitu di dalam Kantin Parlimen. Yang menjadi kemuskilan pada diri saya ialah Kerajaan dengan sedaya-upaya mencegah rakyat daripada makan dadah tetapi arak dibiar berleluasa dijual di merata-rata hotel, bar dan kedai-kedai ubat dan kedai-kedai minuman. Tuan Yang di-Pertua, rakyat kita di Malaysia ialah rakyat yang menganut berbagai-bagai agama, tidak kira agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain lagi. Semua agama melarang meminum arak. Oleh itu, Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan agama rasminya ialah agama Islam, saya rasa sudah sampai masanya bagi kita mengharamkan penjualan arak di negara kita sepertimana kita mengharamkan dadah. Saya rasa tak ada agama yang menentang dan tak ada rakyat yang menentang perkara yang saya katakan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini dengan mana di dalam poster yang terpapar

di dalam Kantin Parlimen ataupun di tempat-tempat lain yang mana menggunakan cogan kata seperti "Arak punca Kejahatan" (Maksud Hadith) kenapa dan mengapa diambil dengan cogan kata "Maksud Hadith". Saya harap perkara Hadith jangan dipermainkan. Cogan kata ini dikeluarkan oleh Kerajaan sedangkan Kerajaan sendiri yang meluluskan penjualan arak di negara kita Malaysia. Nampaknya seperti kata pepatah orang tua-tua, "Pintu hadapan dikunci tetapi pintu belakang dibuka".

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menutup ucapan saya ini, saya dan rakyat di kawasan pengundi saya pada keseluruhannya menyokong Rang Undang-undang Perbatalan Tahun 1976.

6.18 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan negara pada tahun 1976 yang telahpun dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Menteri Kewangan kita pada minggu yang lalu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat, adalah di larang menyebut nama. Sebut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Saya anggap bahawa Belanjawan bagi tahun 1976 akan datang ini adalah penting dalam sejarah pembangunan negara kita kerana pada tahun hadapan adalah tahun pertama bermulanya Rancangan Malaysia Ketiga yang akan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara terutamanya untuk kesejahteraan rakyat dan yang pentingnya untuk menjayakan cita-cita suci kita bagi penyusunan satu masyarakat Malaysia yang adil, makmur, mewah dan sentosa. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua pihak sependapat dengan saya bahawa Belanjawan pada tahun 1976 ini telah disusun dengan begitu rupa memandangkan keadaan ekonomi negara kita terutamanya inflasi yang melanda negara kita di mana penyusunan dan perediaan bagi mengadakan atau menyiapkan Rang Undang-undang Belanjawan ini dibuat dengan mengelaraskan dengan keadaan ekonomi negara serta selaras dan

selari dengan kepentingan rakyat, terutamanya rakyat yang dari golongan tidak berada.

Saya juga mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan seterusnya kepada semua pihak di Perbendaharaan yang telah menyusun dan menyiapkan Belanjawan bagi tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dari setahun ke setahun sehingga hampir 20 tahun kita mencapai kemerdekaan dan setiap tahun juga waktu-waktu seperti ini kita menghadapi Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri-menteri Kewangan yang telah lalu. Demikian juga rancangan demi rancangan pembangunan negara dan sebagaimana yang saya katakan tadi pada tahun yang akan datang kita akan menghadapi pula Rancangan Malaysia Ketiga yang kita semua sama maklum tujuan dan perannya.

Saya percaya penuh semua pihak dan golongan di dalam negara kita ini sedikit-sebanyak telah mencapai nikmat dari hasil dasar dan polisi Kerajaan terutamanya dalam bidang pembangunan samada daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan, kakitangan-kakitangan swasta, golongan pekerja-pekerja, kaum guru, peladang-peladang, petani-petani dan sebagainya.

Apa yang menarik perhatian saya, yang saya ingin menyentuh di sini ialah sedikit sebanyak mengenai kedudukan golongan yang tidak berada di luar bandar. Seperti saya katakan tadi, semua pihak dari golongan rakyat telah mengecap sedikit sebanyak nikmat rancangan-rancangan yang dijalankan di negara ini. Misalnya dari golongan luar bandar, petani-petani yang pada zaman penjajahan dahulu di tinggalkan sekarang telah mendapat rancangan-rancangan samada menerusi Rancangan FELDA, Persatuan-persatuan Peladang, Syarikat Kerjasama untuk peladang dan lain-lain lagi.

Tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini ialah mengenai nelayan. Walaupun rancangan-rancangan yang tertentu telah dijalankan oleh Kerajaan, tetapi saya berpendapat golongan nelayan ini adalah golongan yang tertinggal daripada golongan-golongan yang telah saya sebutkan tadi. Kita sedar bahawa nelayan-nelayan adalah

golongan yang tidak berada samada di pantai barat lebih-lebih lagi di pantai timur. Setiap masa kita mendengar penderitaan kaum nelayan, terutamanya daripada nelayan yang tidak berada iaitu nelayan-nelayan daripada kaum bumiputra. Setiap masa juga kita mendengar perbalahan-perbalahan atau pertikaian di antara sesama nelayan terutamanya golongan nelayan pantai dengan nelayan pukat tunda dan sebagainya.

Saya sedar bahawa kita patut melangkah kepada satu cara penangkapan ikan yang lebih moden, tetapi kita juga patut menyedari akan kepentingan nelayan-nelayan kecil yang hidupnya kais pagi, makan pagi; kais petang makan petang.

Apa yang saya hendak tekankan di sini, saya suka mencadangkan kepada pihak yang berkenaan, terutamanya bagi nelayan yang di pantai barat. Mereka yang telah mendapat lesen pukat tunda saya percaya semua pihak maklum iaitu satu cara menangkap ikan yang boleh memusnahkan sehingga benih-benih ikan sekali. Jadi untuk hendak menjaga benih-benih ikan terutamanya di pantai Selat Melaka dan juga untuk hendak memberi kesempatan kepada nelayan-nelayan kecil, saya suka mencadangkan supaya sekiranya boleh mereka yang diberikan lesen pukat tunda atau seumpamanya kita hadkan masanya. Setahun katalah diberi selama tempoh enam bulan sahaja. Masa enam bulan lagi bolehlah mereka menggunakan cara-cara menangkap ikan yang lain. Begitu juga masalah persengketaan di antara mereka tidaklah patut kita anggap perkara ringan. Ini selalu berlaku kerana mereka yang mendapat lesen pukat tunda ini melanggar peraturan-peraturan yang dikenakan. Misalnya, mereka tidak dibenarkan menangkap ikan dalam kawasan tiga batu daripada pantai, tetapi mereka telah melanggar perintah ini. Ini sudah tentu mengganggu nelayan-nelayan pantai. Banyak lagi perkara-perkara yang menjadi perbalahan di antara mereka yang tidak patut dibiarkan.

Seperkara yang saya hendak sebutkan di sini bahawa Menteri Pembangunan Luar Bandar yang bertanggungjawab dalam bahagian nelayan ini baharu sahaja menamatkan lawatannya ke Negeri China, Korea Utara dan Selatan, dan beberapa buah negeri lagi. Apa yang menarik perhatian saya, Yang Berhormat Menteri berkenaan telah dapat

melawat tempat-tempat di mana pusat-pusat perikanan di negara-negara tersebut terutamanya di negara Korea. Sebagaimana kenyataan yang diberikan bahawa negara tersebut akan sama-sama memberi kerjasama untuk hendak menjayakan rancangan menangkap ikan di laut dalam.

Jadi, apa yang saya suka hendak memperkatakan di sini bahawa penyertaan nelayan-nelayan yang tidak berada samada daripada golongan bumiputra ataupun bukan dalam usaha-usaha penangkapan ikan di lautan dalam ini, jika sekiranya pihak Kerajaan tidak mengambil satu-satu langkah, sudah tentu mereka ini yang tidak mempunyai modal yang cukup tidak akan dapat peluang. Hanya mereka yang mempunyai modal yang cukup sahaja yang dapat mengambil peluang ini. Jadi saya suka mencadangkan kepada pihak Kementerian yang berkenaan ataupun pihak Kerajaan supaya satu cara dibuat di mana nelayan-nelayan yang tidak mempunyai modal dapat bersama-sama.

Di dalam perkara ini, saya suka juga menyentuh masalah bilangan nelayan yang begitu ramai dalam negara kita. Ini patut kita mencari ikhtiar untuk hendak mengurangkan dengan menyerapkan sebilangan daripada mereka kepada bahagian-bahagian yang lain dengan diberi peluang yang sebanyak-banyak dan seluas-luasnya dalam rancangan FELDA atau sebagainya.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, satu rancangan patut dijalankan seumpama Rancangan FELDA kepada nelayan-nelayan ini dan bolehlah kita namakan Lembaga Kemajuan Perikanan Persekutuan (L.K.P.P.). Cara ini boleh kita buat. Saya rasa lebih mudah lagi daripada rancangan-rancangan FELDA tentang mendapatkan tanah. Kata-lah buat permulaan kita jalankan satu rancangan di tiap-tiap buah negeri terutamanya di negeri-negeri di pantai timur misalnya, satu di pantai Kelantan, satu di Trengganu, satu di Pahang dan satu di pantai timur Negeri Johor dan beberapa lagi kita boleh jalankan di pantai-pantai Negeri Sarawak dan Sabah. Cuma perbezaannya daripada Rancangan FELDA ialah kalau FELDA tiap-tiap satu keluarga kita berkehendakkan sekurang-kurangnya 10 ekar ataupun 15 ekar tanah, tetapi dalam rancangan ini kita hanya menggunakan satu ekar sahaja ataupun kurang daripada itu.

Katakanlah, ada 200 atau 300 orang nelayan kita kumpulkan dalam satu rancangan, dan pihak Kerajaan, seperti saya katakan tadi menyediakan perbelanjaan atau sebagainya sebagaimana Rancangan FELDA juga. Jadi dalam rancangan menangkap ikan di laut (perairan) dalam sudah tentulah menggunakan bot-bot yang besar dan bot itu pula dikendalikan sekurang-kurangnya oleh 10 atau 20 orang nelayan-nelayan yang kita kumpulkan dalam rancangan tadi, kemudian segala persediaan seperti bot nelayan, alat-alat menangkap ikan dan sebagainya boleh disediakan oleh Lembaga yang saya katakan tadi.

Jadi, jika rancangan ini dapat dijalankan, saya percaya pihak Kerajaan dapat mengambil balik bayaran itu lebih cepat lagi daripada FELDA. Kalau FELDA kita terpaksa menunggu tiga empat tahun baru kelapa sawit mengeluarkan hasil, demikian juga getah, barangkali lima enam tahun baru boleh ditoreh, tetapi kalau rancangan nelayan ini,

saya rasa bila nelayan tadi boleh turun ke laut dan dapat menghasilkan ikan potongan itu boleh dijalankan. Dalam rancangan yang saya katakan tadi, sudah tentu dibuat di tepi-tepi pantai. Akhirnya, akan menjadi satu pusat nelayan ataupun bandar nelayan di mana selain daripada kelompok-kelompok rumah-rumah untuk peserta-peserta yang dikatakan tadi, sudah tentulah terkawal. Akhirnya, kita akan dapat mendirikan kilang-kilang seperti kilang mengusahkan ikan-ikan dalam tin ataupun kilang air batu yang akan digunakan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari Isnin.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, 17hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.